

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اُنْبِقْ رَسِيْقِي تَيْكُوْنُ لَوْ كُنِي مَبْنِيَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (TERENGGANU)
JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

MAZIDAH BINTI PUTEH

KETUA UNIT KUALITI :

NOOR HASYIMAH BINTI SULAIMAN

PENYELARAS :

ANIZA BINTI ARIFIN

PENULIS :

1. ANIZA BINTI ARIFIN
2. MOHD IZWAN BIN MOHD ZAKI
3. HELMISYAH BIN AHMAD JALALUDIN
4. SITI NURHAZWANI BINTI KAMARUDIN
5. SARAH BINTI YUSOFF
6. NURUL IZZAH BINTI NOOR ZAINAN
7. NOR SAADAH BINTI CHE DERAMAN

8. NUR AMANINA BINTI IDRIS
9. SITI AISHAH BINTI CHE KAR
10. SARA NABILA BINTI ISMAIL
11. SITI NOOR AISHAH BINTI MOHD SIDIK
12. AINNIN SOFEA BINTI AZEMAN
13. SITI NURHANIFAH BINTI SULONG
14. AMIR BIN MANSHOOR
15. INTAN NURELEIZA FADHLINA BINTI KAMARUDDIN
16. ADILAH BINTI OTHMAN
17. WAN HELMY SHAHRIMAN BIN WAN AHMAD
18. TAJUL FITRI BIN MOHD DIAH
19. LUQMANUL HAKIM BIN ZULKORNAIN
20. NURUL SYUHADA BINTI BAHARUDDIN
21. NURHAFFIZAH BINTI HASSAN
22. MOHD SHAHNIZAM BIN MAT ZAIN
23. NORHASLINDA BINTI ZULL PAKKAL
24. NORAIDA BINTI ABDUL KARIM
25. ROZITA BINTI AZIZ @ YUSOF
26. NUR SOLIHAH KHADHIAH BT ABDULLAH
27. FALIZA BT MAHAMED ALI
28. SULAIHA BINTI MOHD ISA
29. NOOR HASYIMAH BINTI SULAIMAN
30. NORMA BINTI MAT HUSSIN
31. HAIRUL LIZWAN BIN RAZALI
32. ASMAHANI BINTI ABDULLAH

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan Kanan UiTMCT telah menyusun beberapa **PERANCANGAN** berkaitan **KEUSAHAWANAN** #nadiusahawanMADANI #mindakeusahawanan untuk memastikan teras strategik universiti dicapai mengikut Perancangan Strategik (PS) dan Objektif Kualiti UiTMCT. Ia bermula dengan penetapan teras *GLOBAL EXCELLENCE* bagi mencapai "Universiti Terkemuka Dunia" (*Globally Renowned University*) menjelang 2025. Garis panduan yang digunakan dalam merangka PS berkaitan adalah berdasarkan **PS UiTM 2020–2025**, **Matlamat Pembangunan Lestari** (*Sustainable Development Goals- SDGs*) dan **Rancangan Malaysia ke-12** (2021–2025).

Hasil daripada perancangan tersebut, Kepimpinan Kanan UiTMCT telah **MELAKSANAKAN PS UiTMCT 2020-2025**. Tiga fokus utama telah dipilih bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan, iaitu **Penjimatan & Penjanaan** (impak optimum dengan kos yang diberi), **Visibiliti & Imej Kampus** (war-warkan pencapaian kampus, warga dalam media sosial dan media massa), dan **Kecemerlangan Warga** (warga menguruskan program peringkat tempatan dan antarabangsa). Ketiga-tiga fokus yang dipilih ini telah berjaya mencapai *Performance Indicator* (PI) 100% dan melepasi target bagi Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (**MASMED**) UiTMCT.

Untuk memastikan perancangan yang dijalankan lebih proaktif, **PEMANTAUAN** dijalankan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCT secara berkala. Langkah ini melibatkan pelaporan aktiviti keusahawanan di Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP. Pemantauan ini adalah untuk memastikan objektif keusahawanan tercapai mengikut pelan tindakan yang dibuat. Pemantauan juga dibuat melalui maklum balas pelanggan. Hasil dari maklum balas akan dikaji untuk mencari punca isu.

Perbincangan dan maklum balas yang diperolehi digunakan untuk langkah **PENAMBAHBAIKAN** yang dilaksanakan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCT dalam pembentangan di Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP. Penambahbaikan ini perlu selaras dengan **PS UiTMCT 2020-2025** bagi memupuk **Minda Keusahawanan** dalam kalangan warga terutama pelajar. Kepimpinan Kanan juga membudayakan Minda Keusahawanan ini dalam kalangan warga UiTMCT dalam PS bahagian masing-masing.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan UiTMCT untuk mencapai sasaran UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia pada tahun 2025 (**GRU2025**) berasaskan kepada tiga teras strategik utama (**Education 5.0@UiTM, Graduan Keusahawanan & Seimbang** dan **Tadbir Urus Cepak**) serta **PS UiTM 2020-2025, 6 Fokus Utama** dan 10 Projek Khas **UiTMCT (Bukti 1.2.1)**. Setiap projek khas UiTMCT dipengerusikan oleh ahli Kepimpinan Kanan yang menjadi panduan utama bagi hala tuju dan gerak kerja warga UiTMCT. Bagi tahun 2023, UiTMCT telah berjaya mencapai *Performance Indicator* (PI) 100 peratus berkaitan **keusahawanan**. Ini bermakna segala pembudayaan keusahawanan yang dijalankan dengan **mengambil kira elemen penambahbaikan** bagi mencapai matlamat PS UiTMCT 2020-2025, berfokuskan **Model Sinergi Holistik Keusahawanan #nadiusahawanMADANI #mindakeusahawanan (Bukti 1.2.2)**.

Amanat Naib Canselor 2023 menekankan **Kebolehpasaran Global** yang sejajar dengan **PS UiTM 2020-2025**, bertujuan menjadikan universiti ini sebagai **Universiti Terkemuka Dunia** dalam menyokong pembentukan **#mindakeusahawanan (Bukti 1.2.3)**. Selaras dengan itu, Amanat Rektor 2023 menekankan warga untuk menjana pendapatan dan aktiviti keusahawanan untuk memupuk **#nadiusahawanMADANI** dalam kalangan warga. Melalui pelbagai latihan dan aktiviti yang berpaksikan kepada **Keusahawanan**, ianya dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar sejajar dengan permintaan industri di samping melahirkan graduan yang seimbang dan holistik. Ianya dilaksanakan selari dengan **PS UiTMCT 2020-2025 (Bukti 1.2.4)**.

Perkongsian pengetahuan kepada warga melalui inisiatif yang berfokus pada tiga keberhasilan utama di bawah tema **KEUSAHAWANAN: Program Agropreneur, Expertise Coaching Program & Penjana Nilai**. UiTMCT melibatkan warga UiTM serta pelbagai pihak pemegang taruh termasuk institusi akademik, kerajaan, komuniti tempatan serta antarabangsa bagi memperkasakan aktiviti bidang tumpuan **Keusahawanan**. Kepimpinan Kanan UiTMCT melaksanakan perancangan secara sistematik dengan memastikan segala aktiviti keusahawanan dijalankan secara lebih efektif dan efisien dengan pendekatan **Jana dan Jimat** melalui **Jaringan Lestari** bersama pelbagai pihak industri, agensi kerajaan, organisasi dan komuniti tempatan dan antarabangsa. Keberhasilan dari projek **Agropreneur** seperti **Penternakan Kelulut dan Sarang Burung Walit** menunjukkan komitmen dalam memperkasakan keusahawanan. Kepimpinan Kanan UiTMCT turut menghantar warga yang mempunyai kepakaran untuk program bimbingan (**coaching**) bersama IKS dan MTDC (**Bukti 1.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_K01_KB02_20241_UiTMCT_BuktiKepimpinan_1.2.1.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB02_20242_UiTMCT_BuktiKepimpinan_1.2.2.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB02_20243_UiTMCT_BuktiKepimpinan_1.2.3.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB02_20244_UiTMCT_BuktiKepimpinan_1.2.4.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB02_20245_UiTMCT_BuktiKepimpinan_1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PS UiTMCT 2020-2025 menjadi panduan utama bagi hala tuju dan gerak kerja Kepimpinan Kanan UiTMCT bagi tahun 2023. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif **Minda Keusahawanan #nadiusahawanMADANI #mindakeusahawanan** dalam **PS UiTMCT 2020-2025**, Kepimpinan Kanan UiTMCT menyebarkan inisiatif-inisiatif tersebut kepada keseluruhan warga UiTMCT melalui:

1. **Perjumpaan Fizikal:** Amanat Rektor, Amalan Rektor Turun Padang, Mesyuarat Bahagian/Unit, Mesyuarat JKEN Khas (PS), dan Mesyuarat JK 10 Projek Khas PS oleh Pengerusi (**Bukti 1.3.1 & 1.3.2**) .
2. **Atas Talian/Secara Maya:** Perkongsian maklumat melalui akaun rasmi Facebook (FB), Telegram Group, Instagram, TikTok, dan YouTube (**Bukti 1.3.3 & 1.3.4**).

Melalui inisiatif penyebaran (**Bukti 1.3.5**) yang dilaksanakan, seluruh warga UiTMCT sentiasa maklum dan dapat mengikuti perkembangan tahap kemajuan dan pencapaian projek-projek di bawah **PS UiTMCT 2020-2025**. Ini secara langsung mahupun tidak langsung mampu menarik minat lebih ramai warga UiTMCT (dalaman) dan pemegang taruh (luaran) untuk turut serta menjayakan aktiviti terbabit. Pendekatan yang diambil membolehkan projek-projek yang dijalankan mencapai hasil yang memberangsangkan, mencapai sasaran yang ditetapkan oleh BTU, serta memperkasakan lagi jaringan kolaborasi bersama pihak industri, rakan universiti dan industri di peringkat antarabangsa dan nasional, serta komuniti yang memerlukan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB03_20241_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.3.1.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB03_20242_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.3.2.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB03_20243_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.3.3.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB03_20244_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.3.4.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB03_20245_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Nyatakan apakah pelan pemantauan kepimpinan untuk memastikan kejayaan dan mengenal pasti punca kegagalan sesuatu inisiatif

Kejayaan penganjuran projek-projek yang berkualiti dan berimpak bukan sekadar berdasarkan kepada perancangan bersistematik dan dokumentasi yang lengkap. UiTMCT juga melaksanakan pelan pemantauan termasuk penilaian dan pengurusan risiko yang melibatkan Unit Pengurusan Risiko agar penambahbaikan berterusan dilaksanakan. **Pengumpulan dan analisa data (Bukti 1.4.1.1, 1.4.1.2 & 1.4.1.3)** dilaksanakan dalam:

- i) Mesyuarat JKEN Khas (PS)
- ii) MKSP
- iii) Mesyuarat PJI
- iv) Mesyuarat 10 Projek Khas PS

dan perkongsian maklum balas dilakukan melalui media sosial seperti *Facebook* (FB), *Telegram Group*, Instagram, Tik Tok, serta emel dan laman sesawang rasmi UiTMCT (**Bukti 1.4.1.4**). Hasil daripada pemantauan projek dan analisa risiko ini digunakan untuk kajian semula kepada Kepimpinan Kanan sebagai penambahbaikan dan keberkesanan pengurusan projek (**Bukti 1.4.1.5**).

Penglibatan Kepimpinan Kanan secara turun padang dalam aktiviti-aktiviti **Keusahawanan** mendapat maklumbalas dan mengenalpasti permasalahan secara langsung tentang projek yang dijalankan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_K01_KB04_KC01_20241_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.1.1.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB04_KC01_20242_UiTMCT_BUKTI kepimpinan 1.4.1.2.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB04_KC01_20243_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.1.3.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB04_KC01_20244_UiTMCT Bukti Kepimpinan 1.4.1.4.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB04_KC01_20245_UiTMCT Bukti Kepimpinan 1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan Kanan amat mengambil berat tentang pengurusan risiko melalui tadbir urus **Unit Pengurusan Risiko (UPR)** yang diketuai oleh Koordinator. Kepimpinan Kanan UiTMCT mengenalpasti, menganalisa, menilai, mengkategorikan, dan mengawal risiko berdasarkan **Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM (Bukti 1.4.2.1)** dan **Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTMCT (Bukti 1.4.2.2)**. Kepimpinan Kanan UiTMCT, melalui UPR, memastikan setiap Bahagian/Unit/Fakulti mengenalpasti dan menangani melalui daftar risiko (**Bukti 1.4.2.3**).

LANGKAH PERTAMA: MENGENALPASTI RISIKO

Setiap jabatan yang diketuai oleh Timbalan Rektor, Penolong Rektor Timbalan Pendaftar dan Timbalan Bendahari mengenalpasti risiko dan punca risiko jabatan masing-masing (**Bukti 1.4.2.4**).

Ini dilaksanakan pada peringkat perancangan setiap projek/program yang dipetakan dalam pelaksanaan **Model Sinergi Holistik Keusahawanan**:

- i) Strategik - Halatuju perancangan pelaksanaan aktiviti projek/program
- ii) Operasi (termasuk manusia dan prasarana) - Halangan proses kerja
- iii) Kewangan - Halangan keupayaan, pengurusan dan keselamatan kewangan
- iv) Perundangan - Implikasi perundangan termasuk dasar dalaman dan luaran
- v) Reputasi - Implikasi kepada imej universiti

Jenis risiko, punca, dan impak dikenalpasti dan dianalisa (**Bukti 1.4.2.5**) oleh ketua jabatan berdasarkan kawalan sedia ada dan cadangan penambahbaikan. **Risiko Strategik** melibatkan halangan kepada halatuju dan objektif keusahawanan di UiTMCT, serta pencapaian indikator BTU UiTM, MYRA, SDG dan QS *Ranking*. **Risiko Operasi** berkaitan proses kerja yang terlibat untuk pelaksanaan projek/program keusahawanan UiTMCT. **Risiko Kewangan** merujuk kepada halangan pembiayaan bagi melaksanakan inisiatif strategik dan aktiviti keusahawanan berimpak tinggi UiTMCT. **Risiko Perundangan** dan **Reputasi** berkaitan implikasi perundangan dan imej UiTMCT. Penilaian risiko ini berlandaskan matrik impak: **Rendah, Sederhana, Tinggi**, dan **Ekstrem**, mengambil kira kebarangkalian dan potensi impak.

LANGKAH KEDUA: RANCANGAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN

Pemantauan risiko dijalankan secara berkala oleh **UPR** di UiTMCT. Melalui langkah ini, UiTMCT membuat penilaian samada risiko-risiko (i.e., dalam jangkaan samada dalam atau luar kawalan) berjaya dicegah atau mungkin terdapat risiko baharu (i.e., luar jangkaan) yang wujud/dikenalpasti. Bagi risiko yang baharu, plan mitigasi dibentuk atau plan sediaada ditambahbaik supaya risiko dapat dikawal dan/atau diatasi dengan segera.

LANGKAH KETIGA: TINDAKAN PENCEGAHAN

Tindakan pencegahan adalah bagi memastikan setiap risiko dapat diurus dengan langkah

pencegahan yang bersesuaian mengikut situasi/keadaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB04_KC02_20241_UiTMCT Bukti Kepimpinan 1.4.2.1.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB04_KC02_20242_UiTMCT Bukti Kepimpinan 1.4.2.2.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB04_KC02_20243_UiTMCT_BUKTI KEPIMPINAN 1.4.2.3.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB04_KC02_20244_UiTMCT Bukti Kepimpinan 1.4.2.4.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB04_KC02_20245_UiTMCT Bukti Lampiran 1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelbagai tindakan penambahbaikan dilaksanakan dan dinilai secara seragam dan berterusan untuk mencapai **PS UiTMCT 2020-2025** yang berfokus kepada tiga keberhasilan utama di bawah tema **KEUSAHAWANAN: Agropreneur, Expertise Coaching Program & Penjanaan Nilai**. Ini merangkumi perancangan sistematik oleh Kepimpinan Kanan UiTMCT disusuli mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang telus dengan mengambil kira risiko-risiko yang terlibat.

1. Agropreneur (Bukti 1.4.3.1)

Projek **Fertigasi Cili, Madu Kelulut, dan Sarang Burung Walit** - Mendidik individu (warga UiTMCT termasuk pelajar, staf akademik dan bukan akademik) dengan ilmu pengetahuan yang mempunyai kemahiran keusahawanan .

2. Expertise Coaching Program (1.4.3.2)

Khidmat pakar-pakar keusahawanan dan latihan-latihan keusahawanan kepada komuniti, industri, dan agensi-agensi kerajaan untuk mencapai **PI024 yang mendukung kepada hasil tumpuan pelanggan yang pertama iaitu kepakaran keusahawanan pensyarah pada tahun 2023**. Antara program yang telah berjaya dijalankan UiTMCT:

1. *Entrepreneurial Expert (for electrical engineering lecturers - 5 lecturers)*
2. *TRAINING OF TRAINER DIGITAL COMMERCE with MDEC at UiTM Kelantan*
3. *SIMS - Students got A in ENT subject*
4. *MyENT(Conducting Business)*
5. *MyENT Online & Hybrid mode of business*
6. Program Pelajar (event)
7. Fertigasi
8. Agropreneur
9. Solarpreneur

3. Penjanaan Nilai (Bukti 1.4.3.3)

Penjanaan nilai diterjemahkan melalui hasil aktiviti penjanaan nilai yang dikukur melalui prestasi operasi kewangan. Hasil dari prestasi atau operasi kewangan dipecahkan kepada 3 hasil utama iaitu: Projek Agropreneur, Penjanaan nilai dari sewaan ruang dan dana luar.

Hasil tindakan penambahbaikan prestasi yang diambil dari pemantauan berkala melalui siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklum balas pemegang taruh dianalisa dan dibincangkan di peringkat Kepimpinan Kanan dan di peringkat pentadbiran setiap jabatan di UiTMCT. Hasil analisa dijadikan panduan dalam melaksanakan langkah-langkah intervensi bagi memastikan kelancaran program atau aktiviti berkaitan. Kepimpinan Kanan UiTMCT turut memberi penekanan kepada intervensi secara bersasar dalam memastikan **PS UiTMCT 2020-2025** (Keusahawanan) dicapai. Mekanisme sebaran maklumat ke seluruh UiTMCT yang digunakan merangkumi sesi taklimat umum dan bersasar (seperti kepada Ketua-ketua projek PS), sesi taklimat akademik, perjumpaan dengan warga secara fizikal dan maya, atau pemakluman melalui media elektronik. Sesi perjumpaan staf bersama Rektor dijalankan secara berkala sebagai platform penyampaian hasil analisis tersebut (**Bukti 1.4.3.4**) (**Bukti 1.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB04_KC03_20241_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.3.1.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB04_KC03_20242_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.3.2.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB04_KC03_20243_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.3.3.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB04_KC03_20244_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.3.4.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB04_KC03_20245_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk mencapai objektif dan inisiatif **PS UiTMCT 2020-2025** yang berfokus kepada **Model Sinergi Holistik Keusahawanan #nadiusahawanMADANI #mindakeusahawanan**, Kepimpinan Kanan UiTMCT menitikberatkan pembudayaan penajajaran, semangat kebersamaan serta harmoni dalam menggerakkan jabatan untuk merealisasikan aktiviti dan program yang dirancang. Setiap inisiatif strategik yang dirancang adalah selari dengan misi, visi, dan objektif UiTM demi kebaikan semua pemegang taruh yang terlibat. Kepimpinan Kanan UiTMCT (**Bukti 1.5.1**) bersama sepuluh (10) Ketua Projek memacu inisiatif jaringan yang proaktif dan sinergi jaringan bagi setiap perancangan strategik yang telah ditetapkan.

Pelaporan dan pemantauan setiap projek dalam **PS UiTMCT 2020-2025** dilakukan secara sistematik melalui mesyuarat berkala untuk mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini. Selain itu, perwarwaran berkenaan PS turut dikongsikan di platform rasmi (laman web dan emel) dan media sosial UiTMCT (seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, dan *Telegram Group*). Keterangkuman dan penglibatan warga UiTMCT memberi impak besar dalam penghasilan perancangan strategik bagi bidang tumpuan **Keusahawanan** yang berkesan. Sebagai contoh, program sukan dan aktiviti pelajar melibatkan penggabungan tiga kampus (Dungun, Bukit Besi, dan Kuala Terengganu), hasil jualan kelas komersial untuk penajanaan Tabung Amanah Fakulti, penyertaan pertandingan oleh pelajar-pelajar, dan penganjuran konferensi/seminar yang berbayar (**Bukti 1.5.2**). Penglibatan dan kolaborasi bersama pelbagai pemegang taruh (seperti komuniti termasuk rakan industri, institusi pengajian tinggi, serta agensi kerajaan sama ada tempatan mahupun antarabangsa) (**Bukti 1.5.3**) sentiasa dititikberatkan untuk memastikan pencapaian dan impak yang lebih holistik (**Bukti 1.5.4**) (**Bukti 1.5.5**).

Pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang Kepimpinan Kanan UiTMCT bagi bidang tumpuan ini menyumbang ke arah merealisasikan visi UiTM - Sebuah Universiti Terkenal di Peringkat Global (*Globally Renowned University*) menjelang 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB05_20241_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.5.1.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB05_20242_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.5.2.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB05_20243_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.5.3.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB05_20244_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.5.4.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB05_20245_UiTMCT_Bukti Kepimpinan 1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT mengorak langkah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 yang mensasarkan Universiti Terkemuka Dunia [*Globally Renowned University (GRU)*] menjelang 2025. Dua Tema Strategik (TS) di bawah teras strategik Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*) menjadi tunjang objektif dan inisiatif yang dirancang seperti TS1 iaitu Education 5.0@UiTM, dan TS2 iaitu Graduan Seimbang dan Berciri Keusahawanan. Pencapaian perancangan strategik ini secara signifikan telah mempengaruhi hala tuju, penjenamaan dan kedudukan **UiTMCT** pembentukan PS tahunan yang menggariskan 6 Fokus Kebolehpasaran Global (*Globally Marketable*) oleh Amanat Naib Canselor dan 10 Projek Khas dalam Amanat Rektor **UiTMCT** sebagai strategi ke arah mencapai **#mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI**.

Dengan merangka projek keusahawanan, setiap sasaran diteliti dan diberi perhatian sewajarnya agar bersesuaian dengan sasaran dan mampu dicapai oleh warga serta selari dengan keperluan perancangan strategik dan objektif kualiti bagi memperkasakan jaringan strategik industri dan alumni. Pelbagai aktiviti seperti *Al-Ikhsan Energize Campus for Entrepreneurship*, *Entrepreneurial Talk with Industry*, *Catch the Wellness Wave Program*, *Entrepreneurial Explorace*, Gerai Jualan Pelajar, PRIDE Showcase 8.0 (Program Product Idea Innovation Showcase), Karnival Sambutan 10 tahun UiTMCT KBB, *Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP)*, *Entrepreneurial Kahoot Games* UiTMCT dan Universitas Sumatera Utara (USU), Projek Kerepek Raya dan Mini Karnival Ambang Ramadhan berjaya dilaksanakan.

Pencapaian sasaran dipantau dengan menilai pencapaian projek-projek secara berkala (bulanan, suku tahun dan setiap enam bulan), dimana pengurusan kanan mengenal pasti dan merancang tindakan penambahbaikan dan pembetulan. Projek-projek yang mencapai sasaran 25% bagi setiap suku tahun akan dikategorikan sebagai berdaya saing manakala projek yang belum mencapai sasaran dikategorikan sebagai 'projek untuk tindakan susulan' yang memerlukan proses intervensi dan penambahbaikan. Hasil pencapaian dan penambahbaikan akan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) Khas-Perancangan Strategik.

Inovasi penyampaian informasi disebar luas kepada warga melalui mesyuarat, townhall dan hebahan digital berterusan agar warga mudah mendapat maklumat terkini. Kecekapan pengurusan pencapaian perancangan strategik dipertingkatkan dengan pembentukan Jawatankuasa Strategik dan Transformasi Universiti, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan pegawai PS, Pegawai Risiko dan Pegawai Kualiti yang mewakili Fakulti, Bahagian dan Unit. Hebahan berkala dilaksanakan secara fizikal dan maya agar menambah kecaknaan warga terhadap perkembangan **#mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI**.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan yang sistematik dengan mengambil kira elemen penambahbaikan dan inovasi dengan merujuk kepada Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) (2021-2025) dan Keberhasilan daripada 10 lonjakan dalam Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025 menggariskan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang berdasarkan kepada enam fokus, kemahiran dan pengukuhan minda keusahawanan selaras Amanat KPT 2023 (**Bukti 2.2.1**), konsep **#mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI** seiring langkah UiTM mendepani enam (6) fokus Kebolehpasaran Global (*Globally Marketable*) yang disasarkan dalam Amanat Naib Canselor 2023 menjelang status Universiti Terkemuka Dunia (*Globally Renowned University*). Ini dikukuhkan lagi dengan Amanat Rektor 2023 yang menekankan **Projek Penjanaan Nilai, dan Projek Agropreneur dan Expertise Coaching Program** yang dirangkum dalam sepuluh (10) Projek Khas 2023 (**Bukti 2.2.2**).

Kepimpinan Kanan berusaha memastikan kelestarian dalam kalangan warga di pertingkatkan melalui kerjasama inovasi Sinergi Holistik Keusahawanan di pelbagai peringkat samada dalam negara atau antarabangsa seperti Entrepreneurial Talk with Industry, AI-Ikhsan *Energize Campus for Entrepreneurship*, PRIDE Showcase 8.0 Karnival Sambutan 10 Tahun UiTMCTKBB, Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP), Entrepreneurial Kahoot Games UiTMCT dan Universitas Sumatera Utara (USU). Terdapat tiga (3) proses pelaksanaan dalam Sinergi Holistik Keusahawanan iaitu Proses Utama Akademik, Proses Utama Bukan Akademik, dan Proses Sokongan yang melibatkan model Penjimatan & Penjanaan, Visibiliti & Imej Kampus (Ketampakan), dan Kecemerlangan warga (**Bukti 2.2.3**). Pendekatan ini disebarluaskan melalui mesyuarat dan media digital seperti Lensa UiTM Cawangan Terengganu (Facebook) (**Bukti 2.2.4 & Bukti 2.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_P01_PB02_20241_UiTMCT_Bukti PS 2.2.1.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB02_20242_UiTMCT_Bukti PS 2.2.2.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB02_20243_UiTMCT_Bukti PS 2.2.3.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB02_20244_UiTMCT_Bukti PS 2.2.4.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB02_20245_UiTMCT_Bukti PS 2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan #mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI meliputi keseluruhan UiTMCT dengan menekankan kepada inisiatif PS Projek Khas Pengurusan Kanan yang diselarikan dengan Hala Tuju UiTMCT, perancangan strategik dan objektif kualiti **(Bukti 2.3.1)**. Perluasan inisiatif PS kepada warga dan pemegang taruh (komuniti, industri, agensi kerajaan) serta rakan strategik melalui aktiviti Majlis Amanat Rektor, Retreat Pengurusan dan Bahagian, Jawatankuasa Perancangan Strategik Kampus, Jawatankuasa Aktiviti Keusahawanan ICAN, Aktiviti Proses Utama Akademik dan bukan Akademik **(Bukti 2.3.2)**.

i. **Majlis Amanat Rektor** - Proses penyampaian, perkongsian dan pelaksanaan aktiviti keusahawanan dalam kalangan warga UiTMCT dibuat secara teratur dan efisien. Objektif dan inisiatif universiti disampaikan melalui Majlis Amanat Naib Canselor dan seterusnya melalui Majlis Amanat Rektor diperingkat cawangan **(Bukti 2.3.1)**.

ii. **Retreat Pengurusan dan Bahagian** - Objektif dan inisiatif tersebut diterjemahkan menjadi aktiviti di peringkat UiTMCT melalui retreat pengurusan dan bahagian. Maklumat aktiviti keusahawanan yang dirancang disebarluas melalui mesyuarat peringkat bahagian/unit UiTMCT **(Bukti 2.3.2)**.

iii. **Jawatankuasa Perancangan Strategik Kampus - UiTMCT** mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa PS Kampus bagi Kampus Dungun, Bukit Besi dan Kuala Terengganu bagi mengurus dan memantau pencapaian PI yang ditetapkan. Inisiatif bengkel draf PS kampus diadakan lebih awal menjelang tahun 2023. Bagi dokumentasi, pengurus projek yang dilantik memaklumkan kepada **Pengurusan Keusahawanan (Bukti 2.3.3)**.

iv. **Jawatankuasa Aktiviti Keusahawanan Unit ICAN Peringkat Kampus** - Diperingkat kampus, jawatankuasa kecil dibentuk untuk merancang projek dan aktiviti yang berteraskan #mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI bagi mencapai petunjuk prestasi berkaitan **(Bukti 2.3.3)**.

v. **Aktiviti Proses Utama Akademik** - Semua pelajar perlu mendaftar subjek khusus (ENT600) melibatkan keusahawanan. Malah, pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan mempunyai kursus khusus yang melibatkan keusahawanan. Antara projek keusahawanan yang melibatkan pelajar dan industri diperingkat universiti ialah **PRIDE Showcase 8.0** (Program *Product Idea Innovation Showcase*). Hasil inovasi pelajar yang berpotensi dipertanding keperingkat antarabangsa seperti **GDIID 2023** (*Graduate Digital Invention, Innovation and Design*) **(Bukti 2.3.4)**.

vi. **Aktiviti Proses Utama Bukan Akademik** - Terdapat 10 projek keusahawanan yang melibatkan warga dalam projek yang dilaksanakan di peringkat universiti, industri dan antarabangsa.

Antara aktiviti keusahawanan lain yang melibatkan inovasi, penyelidikan, pengkomersilan dan kursus jangka pendek yang dilaksanakan oleh pensyarah termasuklah *Entrepreneurial Talk with Industry*, *Entrepreneurial Explorace*, *Al-Ikhsan Energize Campus for Entrepreneurship*, dan *Jualan Meja Majlis Kutipan Derma Masjid*. Persatuan staf seperti PEWANI dan PSKK turut menyumbang kepada aktiviti penjana selari dengan tujuan membudayakan #mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI dalam kalangan warga dan pemegang taruh. **Pengurusan Keusahawanan** juga dibantu Briged MASMED UiTMCT sebagai Duta Kecil Program Keusahawanan UiTMCT Kampus Dungun bagi memperkasa program keusahawanan **(Bukti 2.3.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB03_20241_UiTMCT_Bukti PS 2.3.1.pdf](#)

2. [K0024_P01_PB03_20242_UiTMCT_Bukti PS 2.3.2.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB03_20243_UiTMCT_Bukti PS 2.3.3.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB03_20244_UiTMCT_Bukti PS 2.3.4.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB03_20245_UiTMCT_Bukti PS 2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dengan mengambilkira pengumpulan data dan analisa pencapaian dengan pemantauan sistematik dan dibentangkan melalui Mesyuarat JKEN Khas (PS) yang akan diadakan setiap tiga bulan. Proses pemantauan oleh PSTU melalui penyediaan carta alir yang di selarikan dengan fungsi unit PSTU itu juga **(Bukti 2.4.1.1)**. Selain itu, pemantauan juga dilaksanakan melalui pelaporan status pencapaian projek, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan keterlibatan Jawatankuasa MASMED dan pemantauan digital seperti di lampiran **(Bukti 2.4.1.2), (Bukti 2.4.1.3), (Bukti 2.4.1.4) & (Bukti 2.4.1.5)**.

Di peringkat kepimpinan pelajar, jawatankuasa kecil dibentuk untuk merancang dan melaksanakan projek keusahawanan bagi mencapai petunjuk prestasi berkaitan melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk memantau aktiviti keusahawanan oleh persatuan dan kelab.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_P01_PB04_PC01_20241_UiTMCT_Bukti PS 2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB04_PC01_20242_UiTMCT_Bukti PS 2.4.1.2.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB04_PC01_20243_UiTMCT_Bukti PS 2.4.1.3.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB04_PC01_20244_UiTMCT_Bukti PS 2.4.1.4.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB04_PC01_20245_UiTMCT_Bukti PS 2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCT menitikberatkan pengurusan risiko PS bagi memastikan matlamat yang disasarkan dan objektif kualiti cawangan dapat dicapai melalui Mesyuarat JKEN Khas (PS). Risiko pelaksanaan strategi keusahawanan dikategorikan kepada **mengenalpasti punca risiko dan kaedah kawalan risiko** seperti pengurusan projek dan inisiatif strategik, risiko tadbir urus seperti perancangan dan pemantauan projek, dan inisiatif strategik yang tidak dapat dijalankan dengan berkesan, serta risiko reputasi seperti risiko pelucutan pengiktirafan badan professional. Kategori risiko berdasarkan glosari risiko UiTM2025 yang diisi dalam templat *Strategic Action Plan (SAP)* (**Bukti 2.4.2.1**). UiTMCT mengenalpasti dan mengemaskini risiko setiap projek semasa mesyuarat pengurusan risiko yang dikategori mengikut jenis risiko, perihal risiko, tahap risiko dan memutuskan pelan mitigasi bagi risiko-risiko berkenaan.

Kaedah pengurusan risiko dikemaskini melalui borang analisa risiko bagi memudahkan tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif. (**Bukti 2.4.2.2**). Unit Pengurusan Risiko (**UPR**) dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap risiko di daftarkan dalam Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) oleh Koordinator UPR UiTMCT. Setiap tindakan penambahbaikan akan dibentangkan di MKSP (**Bukti 2.4.2.3**).

Risiko yang dikenalpasti dibentangkan dalam mesyuarat Unit Pengurusan Risiko (UPR) untuk disahkan dan didaftarkan dengan UPR UiTMCT melalui Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) oleh Koordinator UPR UiTMCT dan diikuti dengan pembentangan di MKSP. Surat lantikan dikeluarkan kepada pemilik projek bagi menerapkan nilai amanah (**Bukti 2.4.2.4**) agar risiko program dapat dikurangkan ke tahap minimum (**Bukti 2.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB04_PC02_20241_UiTMCT_Bukti PS 2.4.2.1.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB04_PC02_20242_UiTMCT_Bukti PS 2.4.2.2.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB04_PC02_20243_UiTMCT_Bukti PS 2.4.2.3.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB04_PC02_20244_UiTMCT_Bukti PS 2.4.2.4.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB04_PC02_20245_UiTMCT_Bukti PS 2.4.2.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelaksanaan nilai amanah kepada Pengurus Projek (*Tier 1*) yang dilantik merupakan **satu tindakan efektif dan efisien** dalam menyelia pelaksanaan projek dibawah seliaan masing-masing. Pengurus Projek mengetuai proses pelaporan pelaksanaan setiap projek yang dilakukan secara berkala dengan mengisi templat yang dibekalkan oleh Pengurusan Keusahawanan. Pemantauan akan dijalankan setiap suku tahun dimana setiap projek disasarkan akan meningkat 25%. Peratusan kemajuan dipantau melalui model lampu isyarat dengan menggunakan warna (merah: 0%-49%, kuning: 50%-99% dan hijau: 100%) yang boleh dicetak melalui sistem *University Electronic Programme Management Office (UePMO)* (**Bukti 2.4.3.1**). Pasukan pelaksana (*Tier 2*) pula akan mengadakan mesyuarat khusus bagi membincangkan tindakan penambahbaikan seperti penambahan fasiliti, infrastruktur, prosedur piawai/standard, dan proses kerja.

Bagi melicinkan proses pengumpulan data dan laporan akhir projek, Penyelaras STU telah melantik *Person-in-Charge (PiC)* bagi Pengurusan dan *Record Keeping* Kertas Kerja Unit dan Bahagian. Lantikan ini adalah untuk membantu UiTMCT mengenalpasti dan merekodkan kertas-kertas kerja aktiviti yang diluluskan dan mempunyai elemen penglibatan komuniti, alumni dan industri (**Bukti 2.4.3.2**).

Selain itu juga, setiap PiC dan ketua-ketua projek diberikan watak sebagai tanda amanah dalam menjalankan tugas yang telah dicadangkan oleh bahagian dan unit masing-masing untuk tahun semasa (**Bukti 2.4.3.3**). **Laporan pencapaian hasil ini dibentangkan dalam Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP (Bukti 2.4.3.4)** Setiap hasil pencapaian PS akan dilaporkan secara berkala oleh Penyelaras STU setiap 3 bulan secara emel dan media sosial (*Facebook, Instagram dan Tik Tok*) (**Bukti 2.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB04_PC03_20241_UiTMCT_Bukti PS 2.4.3.1.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB04_PC03_20242_UiTMCT_Bukti PS 2.4.3.2.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB04_PC03_20243_UiTMCT_Bukti PS 2.4.3.3.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB04_PC03_20244_UiTMCT_Bukti PS 2.4.3.4.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB04_PC03_20245_UiTMCT_Bukti PS 2.4.3.5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan #mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI disebar dan dilaksanakan secara menyeluruh di UiTMCT bagi memastikan inovasi dalam proses integrasi PS melibatkan keusahawanan dilakukan secara efisien agar warga sentiasa memperolehi informasi komprehensif dan menyumbang ke arah pencapaian sasaran PS. Dengan pembudayaan amalan baik oleh warga merencanakan usaha ke arah **#mindakeusahawanan #nadiusahawanMADANI** melalui medium inovasi seperti Kelas Keusahawanan yang melibatkan pertandingan inovasi seperti *PRIDE Showcase 8.0*, *Business Pitching* dan aktiviti keusahawanan oleh warga yang lain selain membantu **tiga bidang keberhasilan: agropreneur, expertise coaching program, dan penjanaan nilai.**

Penambahbaikan integrasi pembudayaan keusahawanan merangkumi makluman secara bersemuka, pendigitalan media, pembentukan Jawatankuasa PS yang diketuai oleh Penyelaras PS dan integrasi perancangan projek dengan pengurusan risiko (**Bukti 2.5.1**), (**Bukti 2.5.2**), (**Bukti 2.5.3**), (**Bukti 2.5.4**) & (**Bukti 2.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB05_20241_UiTMCT_Bukti PS 2.5.1.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB05_20242_UiTMCT_Bukti PS 2.5.2.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB05_20243_UiTMCT_Bukti PS 2.5.3.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB05_20244_UiTMCT_Bukti PS 2.5.4.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB05_20245_UiTMCT_Bukti PS 2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT menyedari bahawa tumpuan terhadap keusahawanan adalah penting untuk mencapai teras strategik 1 dalam tema strategik 2, "Graduan seimbang dan berciri keusahawanan," dengan matlamat menjadi "Universiti Terkemuka yang Menghasilkan Graduan Berkualiti Tinggi dan Kreatif". UiTMCT membuat **PERANCANGAN** dengan menekankan pemindahan pengetahuan antara akademi, industri, dan alumni sebagai pemacu penting dalam melahirkan graduan profesional berciri keusahawanan yang berkualiti. UiTMCT merancang kaedah untuk menentukan keperluan pelanggan dalaman seperti staf akademik dan bukan akademik serta pelajar, dan pelanggan luaran seperti industri, komuniti, badan kerajaan dan swasta serta ibubapa. Dengan mengamalkan **model Sinergi Holistik Keusahawanan #nadiusahawanMADANI #mindakeusahawanan**, UiTMCT memastikan setiap perancangan mencerminkan semangat keusahawanan yang mampan dan inklusif.

UiTMCT memberi tumpuan kepada tiga fokus utama berdasarkan model Sinergi Holistik Keusahawanan: **Penjimatan & Penjanaan, Visibiliti & Imej Kampus, dan Kecemerlangan Warga. Penjimatan & Penjanaan** melibatkan pengoptimuman sumber sedia ada dan penciptaan peluang penjanaan pendapatan baru melalui kerjasama keusahawanan dengan industri. Semua program/aktiviti yang melibatkan keusahawanan direkod dan dibuat pelaporan berasaskan mengikut format yang telah ditetapkan. **PELAKSANAAN** pengumpulan data aktiviti keusahawanan melalui pendigitilan proses dan pelaporan seperti di Storan Data UiTMCT, Google Drive setiap Fakulti, Bahagian dan Unit digunakan bagi memastikan pengumpulan rekod yang lebih sistematik.

Dengan pelaksanaan pelbagai program aktiviti keusahawanan berserta pengumpulan data/pelaporannya, **PEMANTAUAN** dibuat dengan menganalisis semua data/rekod dan dibentangkan di dalam mesyuarat bahagian dan pengurusan seperti **Mesyuarat Bahagian PJIA, MKSP** dan **Mesyuarat JKEN Khas (PS)** terutamanya untuk kaji semula pengurusan dan proses penambahbaikan.

Bagi **PENAMBAHBAIKAN**, UiTMCT mengambilkira maklumbalas pelanggan untuk memastikan kepuasan mereka melalui pelbagai saluran e-aduan. Setiap aduan yang diterima melalui sistem, pihak berkaitan akan mengambil tindakan mengikut prosedur dalam carta alir. Ini bagi memastikan setiap aduan ditangani dengan teliti dan tindakan yang sesuai diambil untuk menyelesaikan isu yang dikemukakan dengan pembentangan di mesyuarat MKSP dan JKEN (PS).

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dengan penilaian sistematik, UiTMCT melaksanakan Pelan Tindakan sejajar dengan Perancangan Strategik UiTMCT 2021-2025, UiTM 2025 Strategic Plan, dan RMK 12 (**Bukti 3.2.1**). **Model Sinergi Holistik Keusahawanan** membahagikan pelanggan kepada dua kategori: **dalam dan luaran**, di mana semangat "**nadiusahawanMADANI**" diterapkan untuk menggalakkan inovasi dan keusahawanan di kalangan semua pelanggan UiTMCT.

Pelanggan Dalaman

Di UiTMCT, termasuk staf akademik, staf bukan akademik, dan pelajar, memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan universiti melalui sumbangan idea, inovasi, dan kepakaran. Objektif Kualiti UiTMCT menetapkan sasaran program kepimpinan dan keusahawanan yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) melalui kerjasama dengan universiti, agensi, komuniti, dan alumni di peringkat antarabangsa serta kebangsaan setiap tahun. Pada tahun 2023, MPP UiTMCT berjaya menganjurkan program *tour guiding* bertaraf antarabangsa bertajuk "*Empowering Networking with Karpagam Academy of Higher Education (KAHE), India: A Bukit Besi Experience*," yang memfokuskan kepada pembelajaran sebagai pemandu pelancong muda (**Bukti 3.2.2**).

Objektif Kualiti PJI 1 menyasarkan pelaksanaan sekurang-kurangnya tiga aktiviti keusahawanan pelajar di peringkat universiti, kebangsaan, atau antarabangsa setiap semester. Pada tahun 2023, tujuh aktiviti keusahawanan telah dilaksanakan, antaranya **Bazar Ramadhan 2023**, **Catch the Wellness Wave Program**, **Entrepreneurial Explorace**, **Al-Ikhsan Energize Campus for Entrepreneurship**, **Gerai Jualan Pelajar**, **Temuduga Ruang Niaga MASMED**, dan **PRIDE Showcase 6.0**. Menjelang akhir tahun 2023, lima lagi aktiviti keusahawanan telah dijalankan, termasuk **Karnival Sambutan 10 tahun UiTMKBB**, **Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP)**, **Entrepreneurial Kahoot Games UiTMCT dan Universitas Sumatera Utara (USU)**, **Projek Kerepek Raya**, dan **Mini Karnival Ambang Ramadhan (Bukti 3.2.3)**.

Aktiviti-aktiviti ini dirancang selaras dengan tema Sustainable Development Goals (SDG) dan melibatkan pelajar, industri, serta komuniti setempat dan antarabangsa. Media sosial digunakan secara meluas untuk meningkatkan visibiliti universiti dan program-programnya. Setiap kelab dan persatuan diwajibkan menyediakan homepage dan laporan akhir yang lebih sistematik dan terancang (**Bukti 3.2.4**). Laporan dalam bentuk video dan artikel majalah juga perlu disediakan oleh Unit Penulisan dan Penerbitan Mahasiswa (UPPM) bagi memaparkan perkembangan pelajar UiTMCT kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Pelanggan Luaran

Pelanggan luaran UiTMCT merangkumi komuniti, industri, alumni, badan kerajaan dan swasta, serta ibu bapa dikenalpasti. Penglibatan mereka memperluaskan jangkauan UiTMCT dan memberikan manfaat melalui perkongsian pengetahuan dan sumber. Pendekatan yang digunakan adalah melalui MoU, kunjungan hormat, lawatan penanda-aras, dan program kolaborasi bersama UiTMCT. Pendekatan sistematik yang digunakan oleh UiTMCT termasuk Mesyuarat JKEN Khas (PS), program agropreneur, coaching, dan penjana nilai. Menerusi inisiatif 'Empowering Alumni', UiTMCT menganjurkan program UiTM Signature: Smart Agro Solarpreneur untuk memberikan input dan pendedahan tentang kompetensi keusahawanan kepada pelajar dan komuniti (**Bukti 3.2.5**).

Tambahan lagi, UiTMCT menetapkan sekurang-kurangnya tiga aktiviti kompetensi keusahawanan jaringan industri oleh pensyarah dalam setahun dengan penglibatan industri. Pada tahun 2023, UiTMCT berjaya melaksanakan empat program: Meet and Greet with PNC MASMED, Al-Ikhsan Energize Campus for Entrepreneurship, sesi perkongsian bersama Pengasas Sutera Spa, dan sesi perkongsian bersama Pengasas Rawdenim House. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan pensyarah UiTM dan komuniti setempat, memperkukuhkan kerjasama antara universiti dan komuniti perniagaan. Penglibatan menyeluruh pelanggan

dalaman dan iuaran meningkatkan kepakaran, peluang penyelidikan, dan menyumbang kepada pembangunan akademik serta penjanaaan pendapatan. Usaha ini seiring dengan aspirasi **#nadiusahawanMADANI** dan **#mindakeusahawanan** yang diterapkan di UiTMCT.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_T01_TB02_20241_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.2.1.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB02_20242_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.2.2.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB02_20243_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.2.3.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB02_20244_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.2.4.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB02_20245_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan meluas seluruh UiTMCT untuk pengumpulan data diperolehi dan dikenalpasti melalui pelbagai sumber dapatan seperti SIMS, Sistem Tempahan Bilik, Sistem Tempahan Universiti (BSU), eKolej, eAduan dan sebagainya. Selain dari sistem-sistem yang sedia ada, UiTMCT mengurus penyimpanan rekod dengan lebih sistematik melalui satu pusat storan data iaitu **Storan Data UiTMCT – Network Attached Storage (NAS)**, Google Drive setiap Fakulti, Bahagian dan Unit serta *Google Sites* (BHEA dan BHE). Manakala kaedah pengumpulan dan penyimpanan markah bagi penilaian berterusan pelajar diuruskan selari dengan keperluan *Structured Assessment Mechanism* melalui perkongsian **Google Drive OGA (On Going Assessment)** antara pensyarah dan Unit Pentaksiran dan Penilaian Akademik BHEA UiTMCT. Kaedah ini memudahkan pengumpulan dan semakan maklumat penilaian berterusan pelajar oleh BHEA UiTMCT.

UiTMCT komited dalam memastikan data pelanggan yang melibatkan kumpulan sasaran dapat disimpan dengan baik. Pengumpulan data melibatkan aktiviti keusahawanan disaring dan disimpan melalui sistem yang efektif supaya setiap dokumen direkodkan. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh UiTMCT dalam mengumpulkan, menyimpan dan mengenalpasti aktiviti/program keusahawanan yang telah dijalankan. Kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian program Keusahawanan adalah melalui pengumpulan maklumat dan rekod melalui **pendigitalan proses dan pelaporan** seperti penggunaan **Google Drive** bagi penyimpanan data yang dikumpul. Melalui sistem itu, maklumat dapat dijana dan dikumpulkan. Maklumat yang dikumpul merangkumi laporan penjana pendapatan (PS 07), maklumat produk madu kelulut, pencapaian perancangan strategik dan data alumni UiTMCT sebagai usahawan dalam pelbagai produk dan perkhidmatan (**Bukti 3.3.1, 3.3.2, 3.3.3, 3.3.4, 3.3.5, 3.3.6**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB03_20241_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.3.1.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB03_20242_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.3.2.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB03_20243_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.3.3.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB03_20244_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.3.4.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB03_20245_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan bidang keusahawanan di UiTMCT melalui Model Sinergi Holistik Keusahawanan telah membawa pelbagai kebaikan dan ganjaran kepada semua warga UiTM dan pelanggan termasuk, staf, pelajar, pemegang taruh seperti kerajaan negeri, rakan MOU, komuniti setempat, pembekal, dan ibu bapa. Penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan telah meningkatkan profil dan reputasi UiTMCT sebagai institusi yang mempromosikan inovasi dan pembangunan keusahawanan. Pendedahan dan kesedaran awal terhadap pelbagai aktiviti keusahawanan juga diberi penekanan. Pencapaian tertinggi pelajar ialah penganugerahan **Majlis Perwakilan Pelajar Terbaik di Paynet Digital Competition 2.0**. Selain itu, seramai **53 Alumni** UiTMCT yang berdaftar di UiTMCT berjaya dalam bidang keusahawanan dan kini menjadi mentor serta inspirasi kepada pelajar (**Bukti 3.4.1.1**).

Pensyarah yang terlibat aktif dalam keusahawanan akan dilihat sebagai pakar dan inovator, yang akan meningkatkan reputasi di kalangan rakan sejawat dan masyarakat umum. Hasil daripada usaha tersebut, mereka memperoleh ganjaran ialah **Anugerah Khas PNC (Keusahawanan), Anugerah Koordinator Paling Aktif (cawangan) (Bukti 3.4.1.2)**. Selain itu, ia juga telah dapat membantu UiTMCT menjana **pendapatan, mendapat penajaan** untuk jangka pendek dan juga jangka masa panjang (**Bukti 3.4.1.3**). Ini dapat dibuktikan melalui penerimaan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2023** yang berjaya diterima oleh UiTMCT (**Bukti 3.4.1.3**).

Pemegang taruh seperti **kerajaan negeri, rakan MoU, komuniti setempat, dan ibu bapa** telah mendapat peluang untuk berkolaborasi dengan UiTMCT dalam pelbagai projek keusahawanan. Program Agropreneur dengan peruntukan dari **Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)-Knowledge Transfer**, kepakaran warga dapat membantu alumni dan komuniti setempat di Dungun melalui **Projek Ternakan Kelulut (Bukti 3.4.1.4)**. Hasilnya dapat mendidik dan melatih komuniti **#mindakeusahawanan**.

Dengan pelaksanaan pelbagai program bidang **#nadiusahawanMADANI** di UiTMCT, seluruh warga dan pelanggan yang terlibat memperolehi pelbagai ganjaran yang membantu dalam pembangunan peribadi, profesional, dan komuniti mereka. **Setiap aktiviti yang dijalankan oleh ini direkod, dikumpul serta dianalisis melalui kaedah pemantauan. Hasil daripada pemantauan ini dibentangkan di dalam Mesyuarat Bahagian PJIA, MKSP dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri Khas (Perancangan Strategik) (JKEN Khas (PS)) terutamanya untuk kaji semula pengurusan dan proses penambahbaikan (Bukti 3.4.1.5).**

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_T01_TB04_TC01_20241_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.1.1.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB04_TC01_20242_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.1.2.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB04_TC01_20243_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.1.3.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB04_TC01_20244_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.1.4.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB04_TC01_20245_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCT telah menubuhkan satu unit yang bertanggungjawab dalam semua program yang dijalankan di UiTMCT iaitu **Unit Pengurusan Risiko**. Unit ini akan bertanggungjawab memantau sebarang potensi risiko yang memberi implikasi kepada imej universiti dan risiko operasi melibatkan proses kerja (**Bukti 3.4.2.1**). **Pihak BPJIA juga telah mengenal pasti, memantau, dan menilai semula risiko-risiko yang timbul dari setiap program serta mengambil tindakan pencegahan untuk mengurangkan risiko tersebut.** Beberapa risiko telah dikenalpasti yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau menghalang kejayaan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dalam program keusahawanan termasuk:

1. **Risiko Berkaitan Pelajar:** Kelemahan dalam penyediaan kertas kerja dan pengiraan kos kewangan untuk program keusahawanan.
2. **Risiko Berkaitan Pensyarah:** Kurangnya pendedahan tentang keusahawanan di kalangan pensyarah, terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan.
3. **Risiko Berkaitan Usahawan Komuniti Luar:** Pengurusan luar yang kurang memahami prosedur dan garis panduan UiTMCT.
4. **Risiko Berkaitan Alumni:** Kesukaran dalam mengumpulkan data tentang alumni yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan disebabkan kekurangan maklumat.

Untuk mengurangkan risiko, **perancangan kawalan risiko terhadap aktiviti** dilakukan agar selari dengan keperluan Objektif Kualiti UiTM serta prosedur yang telah ditetapkan. Oleh itu, pihak BPJIA telah merancang pelan tindakan untuk mengawal risiko yang dikenalpasti. Antara langkah yang diambil termasuk:

1. **Mengatasi risiko di kalangan pelajar:** Menambah bilangan program keusahawanan untuk memberi pendedahan tambahan dalam bidang ini (**Bukti 3.4.2.2**).
2. **Meningkatkan kompetensi pensyarah:** UiTMCT, melalui MASMED, telah mengadakan seminar dan latihan keusahawanan berterusan untuk pensyarah dan staf UiTMCT (**Bukti 3.4.2.3**).
3. **Mengawal tindakan pencegahan risiko berkaitan usahawan komuniti luar:** MASMED UiTMCT telah menyediakan garis panduan kepada setiap usahawan komuniti luar yang menyertai program keusahawanan di UiTMCT (**Bukti 3.4.2.4**).
4. **Mengatasi masalah pengumpulan rekod Alumni:** Pihak BPJIA, melalui Unit ICAN, telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program jejak alumni dan menggunakan platform media sosial seperti Facebook (**Bukti 3.4.2.5**).

Bagi tujuan pencapaian maklumbalas pelanggan, Jawatankuasa Unit Pengurusan Risiko PJIA memastikan setiap unit melaksanakan pelan pelaksanaan pengurusan risiko melalui pemantauan yang dibuat bagi memastikan segala program keusahawanan yang dijalankan berjaya dan memenuhi objektifnya

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB04_TC02_20241_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB04_TC02_20242_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.2.2.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB04_TC02_20243_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.2.3.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB04_TC02_20244_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.2.4.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB04_TC02_20245_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.2.5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

e-Aduan adalah satu sistem maklum balas pelanggan yang dibangunkan untuk memudahkan pelanggan dalam menyuarakan aduan kepada pihak UiTMCT. Sistem ini dibangunkan untuk memastikan komunikasi yang lebih efektif dan responsif. e-Aduan terbahagi kepada tiga sistem utama yang boleh digunakan, iaitu:

1. **e-Aduan UiTM (Korporat):** Untuk sebarang aduan, pertanyaan, cadangan, dan penghargaan (**Bukti 3.4.3.1**).
2. **e-Aduan Fasilitas:** Untuk aduan mengenai perkhidmatan fasiliti, pembaikan sistem bangunan, dan utiliti, termasuk pembersihan bangunan, pembaikan awam, elektrik, mekanikal, landskap, sistem siaraya, dan telekomunikasi (**Bukti 3.4.3.2**).
3. **e-Aduan ICT:** Untuk masalah berkaitan perisian atau perkakasan komputer milik UiTM, wifi, kata laluan staff, pelajar, dan lain-lain (**Bukti 3.4.3.3**).

Sebagai contoh, Unit Korporat menyasarkan 80% aduan diproses dalam masa tiga (3) hari dari tempoh aduan diterima. Data aduan yang diterima dan diselesaikan bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

1. **e-Aduan UiTM (Bukti 3.4.3.1)**
2. **e-Aduan Fasilitas (Bukti 3.4.3.2)**
3. **e-Aduan ICT (Bukti 3.4.3.3)**

Laporan aduan dan maklum balas pelanggan yang disediakan oleh pihak Unit Korporat UiTM Cawangan Terengganu akan dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) untuk tindakan susulan dan dikongsi dengan seluruh jabatan berkaitan (**Bukti 3.4.3.4**). Pihak Unit Korporat UiTMCT juga telah menyediakan satu infografik berbentuk poster yang menerangkan kaedah akses kepada sistem e-Aduan. Infografik ini direka khas untuk memudahkan warga UiTM dalam memahami dan menggunakan sistem e-Aduan dengan lebih efisien (**Bukti 3.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB04_TC03_20241_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.3.1.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB04_TC03_20242_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.3.2.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB04_TC03_20243_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.3.3.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB04_TC03_20244_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.3.4.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB04_TC03_20245_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.4.3.5 new.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

BPJIA melaksanakan beberapa program berkonsepkan keusahawanan antaranya Fiber Optik Kabel anjuran pihak TM Digital yang turut melibatkan kontraktor TM dan komuniti dalam memastikan kelestarian keusahawanan. Selain itu, program Kursus Asas Pramusaji dan Bengkel Asas Pendawaian Elektrik anjuran bersama Kolej Ketengah SDN BHD turut dilaksanakan (**Bukti 3.5.4**).

Bagi memastikan aduan pelanggan dapat dikurangkan, pihak Bahagian Pengurusan Fasiliti telah melaksanakan pelbagai inisiatif jabatan yang strategik. Ini termasuk menetapkan sistem pemantauan yang lebih sistematik dan memberikan latihan berkala kepada staf yang menyelia fasiliti. Selain itu, langkah-langkah pencegahan proaktif juga diperkenalkan, seperti pengauditan fasiliti secara berkala dan penambahbaikan dalam prosedur penyelenggaraan. Semua aduan yang diterima dikendalikan oleh staf khusus yang bertanggungjawab dalam memastikan isu-isu berkaitan fasiliti diselesaikan dengan segera dan berkesan (**Bukti 3.5.5**). Dengan pendekatan ini, diharapkan dapat mengurangkan jumlah aduan dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Inisiatif ini telah dimasukkan ke dalam objektif kualiti bahagian iaitu memastikan aduan inisiatif melebihi 10% dari jumlah aduan keseluruhan. Inisiatif ini dapat membantu mengurangkan kadar aduan daripada pelanggan serta menyediakan fasiliti yang kondusif untuk digunakan dalam masa yang sama dapat mengelakkan kejadian atau kemalangan yang tidak diingini. Bukti adalah data yang telah dilaksanakan bagi tahun 2023 (**Bukti 3.5.1, 3.5.2 dan 3.5.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB05_20241_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.5.1.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB05_20242_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.5.2.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB05_20243_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.5.3.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB05_20244_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.5.4.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB05_20245_UiTMCT_Bukti Tumpuan Pelanggan 3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran dan analisis data bagi sesuatu organisasi adalah penting dalam memastikan objektif program keusahawanan yang dirancang adalah realistik dan dapat dicapai seperti yang ditetapkan. Model **perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act)**, PDCA telah digunakan di dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan sebagai satu pendekatan terancang dan sistematik bagi tujuan pemantauan, penambahbaikan dan penghasilan inovasi. Di UiTMCT, bahagian/unit bertanggungjawab menguruskan semua proses utama bermula dengan **membuat perancangan** dan formulasi berdasarkan **Pelan Strategik UiTM 2025 dan Objektif Kualiti 2020-2025**. Kesemua **Petunjuk Prestasi (PI), data, statistik dan maklumat yang digunakan** untuk **mengukur prestasi** secara khusus, memantau operasi serta pencapaian keseluruhan sistem ditentukan dan disemak oleh pihak pengurusan bagi melaksanakan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan.

Unit keusahawanan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan semua aktiviti keusahawanan UiTMCT mengikut sasaran yang ditetapkan dalam Perancangan Strategik UiTM, Hala Tuju UiTMCT, SDG dan Petunjuk Prestasi. Pihak Keusahawanan bertanggungjawab mewujudkan jaringan industri dengan pihak luar dan tempatan, dan memastikan penglibatan pensyarah dan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan. Sehingga kini, mahasiswa dan pensyarah UiTMCT aktif dalam pertandingan inovasi untuk mereka cipta produk inovasi dalam keusahawanan **#nadiusahawanMADANI**.

Hasil perkongsian pengetahuan dan sumber rujukan melalui sasaran Perancangan Strategik UiTM, Hala Tuju UiTMCT, SDG dan Petunjuk Prestasi MASMED, membantu untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran mahasiswa supaya selari dengan permintaan industri, mendedahkan mahasiswa dengan pelbagai aktiviti latihan, perniagaan, dan membina ciri-ciri **keusahawanan** dalam diri mahasiswa

Pelaksanaan aktiviti keusahawanan juga disokong oleh **Unit Strategik dan Transformasi Universiti (STU) UiTMCT** yang bertanggungjawab untuk membuat **pemantauan**. Pemantauan program keusahawanan direkod secara sistematik untuk menilai pencapaian keusahawanan UiTMCT. Hasil pemantauan dalam aktiviti **keusahawanan yang melibatkan kerjasama di peringkat tempatan dan antarabangsa** disebar luas kepada warga kampus, pihak berkepentingan dan pemegang taruh melalui pelbagai platform yang diguna pakai di mana **konsep digitalisasi** diutamakan. **Perkongsian maklumat keusahawanan** ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada produk usahawanan UiTMCT dan **mengukuhkan kerjasama dengan pihak industri yang lain**. Kejayaan program keusahawanan juga dapat diterjemah dengan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan dan penglibatan mahasiswa dalam pertandingan-pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa. Selain itu, **Kecemerlangan warga turut meningkatkan imej kampus/visibiliti UiTMCT**. Ia dibuktikan melalui beberapa kolaborasi komuniti dan industri yang telah dijalankan seperti menjalankan jalinan Kerjasama (MoU dan MoA) dengan pelbagai pihak. **Pemantauan** dan pengukuran prestasi juga dibuat secara berkala bagi **mengukur keberkesanan inisiatif strategik yang dijalankan**.

UiTMCT juga optimis dalam menjalankan proses **penambahbaikan** untuk semua aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Penilaian dan semakan semula dilakukan untuk menentukan samada **objektif strategik adalah relevan dan signifikan**. Mekanisme pengukuran dan pencapaian UiTMCT dibincangkan melalui pelbagai peringkat pengurusan seperti **Bengkel Perancangan Strategik, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), JKEN Khas (PS), Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Pengurusan Eksekutif** dan semua PTJ setiap bahagian.

menambah dan pemerataan anggaran sebagai rujukan bagi tindakan pembaikan, pencegahan dan penambahbaikan. Proses **memilih, mengumpul, menjar dan mengintegrasikan data dan maklumat secara kolektif** serta dianalisis secara efektif juga dilaksanakan oleh PTJ setiap bahagian dan jabatan mematuhi **Objektif Kualiti 2020-2025** dalam mencapai **Pelan Strategik UiTM 2025** yang disasarkan **#mindakeusahawanan**.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan dan perancangan yang sistematik amat penting sebagai **penentu kejayaan UiTMCT** dalam program **keusahawanan**. Hasil **perkongsian pengetahuan dan sumber rujukan** melalui sasaran Perancangan Strategik UiTM, Hala Tuju UiTMCT, SDG dan Petunjuk Prestasi MASMED, membantu untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran mahasiswa supaya selari dengan permintaan industri, mendedahkan mahasiswa dengan pelbagai aktiviti latihan, perniagaan, dan membina ciri-ciri **keusahawanan** dalam diri mahasiswa (**Bukti 4.2.1**).

Bagi memastikan pendekatan ini berkesan, pengukuran utama pencapaian keusahawanan UiTMCT merangkumi perkara berikut (**Bukti 4.2.2**):

- 1) Bilangan usahawan mahasiswa IPT yang menjalankan perniagaan di kampus sepanjang tempoh pengajian.
- 2) Bilangan syarikat, perusahaan atau projek perniagaan yang dibiayai oleh pelabur permulaan, pelabur teroka, entiti pembiayaan awam, geran agensi kerajaan dan hadiah pertandingan pitching berkaitan keusahawanan.
- 3) Bilangan kerjasama dengan agensi, industri, NGO, IPT (tempat dan antarabangsa).
- 4) Bilangan pendidik yang mempunyai kepakaran keusahawanan.
- 5) Bilangan syarikat permulaan inovasi dan teknologi berasaskan inovasi dan teknologi.
- 6) Bilangan mahasiswa yang terlibat dalam program Inovasi dan Teknologi IPT.

Setiap tahun UiTMCT telah menumpukan kepada aspek **jaringan usahawan dengan bekerjasama secara aktif dengan pihak industri**, yang melibatkan penyertaan pensyarah, staf pentadbiran dan juga mahasiswa di peringkat universiti, kebangsaan dan juga antarabangsa. Usaha ini penting untuk membentuk **#mindakeusahawanan** dalam kalangan mahasiswa, pensyarah and warga UiTMCT. Selari dengan matlamat UiTMCT untuk **membina ciri-ciri keusahawanan**. Warga UiTMCT juga terlibat secara aktif dalam pelbagai program keusahawanan yang memberi nilai tambah kepada UiTMCT, keseluruhannya (**Bukti 4.2.3**), (**Bukti 4.2.4**), dan (**Bukti 4.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_A01_AB02_20241_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.2.1 .pdf](#)
2. [K0024_A01_AB02_20242_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.2.2 .pdf](#)
3. [K0024_A01_AB02_20243_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.2.3.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB02_20244_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.2.4 .pdf](#)
5. [K0024_A01_AB02_20245_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.2.5 .pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCT mengambil langkah proaktif dan berhemah dalam memastikan kerahsiaan dan keselamatan maklumat yang diterima. Kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian program Keusahawanan adalah melalui pengumpulan maklumat dan rekod melalui pendigitalan proses dan pelaporan seperti **penggunaan Google Drive** bagi penyimpanan data yang dikumpul (**Bukti 4.3.1**) (**Bukti 4.3.2**). Melalui sistem itu, maklumat dapat dijana dan dikumpulkan. Penggunaan dan akses kepada pengumpulan data ini diperluas ke seluruh peringkat jabatan agar lebih sistematik dan membantu mempermudah urusan pengumpulan data. Penambahbaikan pengumpulan data yang dilakukan pihak keusahawanan UiTMCT pada masa sekarang memudahkan maklumat dapat dikumpul. Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi Universiti (DPMR) menjadi asas bagi memastikan pengurusan maklumat rasmi universiti adalah mengikut undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. (**Bukti 4.3.3**).

Untuk **bimbingan #mindakeusahawanan dalam kalangan mahasiswa** pula diukur melalui aktiviti keusahawanan dan penglibatan pelajar dalam inovasi keusahawanan, menjalankan perniagaan, dan keterlibatan dalam aktiviti keusahawanan semasa melanjutkan pelajaran di UiTM (**Bukti 4.3.4**). Petunjuk prestasi ini, secara langsung dapat dicapai melalui sesi pembelajaran formal iaitu menerusi kursus keusahawanan dan aktiviti di luar pembelajaran formal iaitu menerusi **Kluster Kelab Keusahawanan** yang berada dibawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) (**Bukti 4.3.5**).

Tambahan pula, kaedah lain yang digunakan untuk mengumpul data melalui **Sistem MyENT**. Sistem MyENT ialah satu sistem yang diperkenalkan bagi mendaftar perniagaan pelajar melalui program Mased Young Entrepreneur (MyENT). Kursus keusahawanan ini membantu mahasiswa untuk menjalankan perniagaan dengan integriti dan memberi impak positif kepada komuniti. Selain daripada petunjuk prestasi UiTM, hasil dari tumpuan pelanggan yang ke dua juga dapat dilihat daripada pencapaian mahasiswa dalam **kursus ENT 300 pada tahun 2023** dan juga **tahap kepuashatian mahasiswa menyertai aktiviti-aktiviti keusahawanan sepanjang tahun 2023**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB03_20241_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.3.1 .pdf](#)
2. [K0024_A01_AB03_20242_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.3.2 .pdf](#)
3. [K0024_A01_AB03_20243_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.3.3 .pdf](#)
4. [K0024_A01_AB03_20244_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.3.4.pdf](#)
5. [K0024_A01_AB03_20245_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.3.5 .pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Mekanisme awal pemantauan hasil pengumpulan dan analisis data melalui pelaporan pencapaian KPI dan program secara berkala oleh **Koordinator setiap unit PJI kepada TR PJI** menerusi **Mesyuarat Bahagian PJI**. Hasil pemantauan seterusnya akan dibentangkan dalam mesyuarat utama termasuk **MKSP, JKEN, JKEN Khas (PS) dan PPSM (Bukti 4.4.1.1), (Bukti 4.4.1.2)** bagi memastikan data in dapat disebarluaskan kepada setiap ketua bahagian dan unit, seterusnya kepada warga UiTMCT. Pelaporan dan penyimpanan rekod aktiviti **melalui pautan Google Drive** membolehkan pengumpulan data yang lebih sistematik. Pelaporan akan melibatkan maklumat dari kesemua kampus di UiTMCT (**Bukti 4.4.1.3**). Bagi penilaian pula, **unit keusahawanan akan menerima kunjungan oleh audit dalam** dalam usaha memastikan segala perancangan dan pelaporan tersedia.

Bagi memastikan perancangan yang dilakukan berjaya mencapai target, **proses penyampaian maklumat yang efektif** sangat dititikberatkan. Penyampaian maklumat melalui **saluran formal termasuklah laman web rasmi UITMCT dan juga e-mel rasmi**. Seiring dengan pertumbuhan aplikasi media sosial, saluran tidak formal seperti **Telegram/WhatsApp** yang melibatkan semua warga juga digunakan. Data pencapaian juga dikongsi bersama warga UiTMCT melalui pelbagai platform lain termasuk **YouTube, Facebook, Instagram, TikTok, dan Aplikasi X (Bukti 4.4.1.4)**.

Penganjuran **Terengganu Multidisciplinary International Conference 2023 (TeMIC 2023)** kali ketiga pada tahun 2023 menunjukkan perancangan yang baik mampu diterjemahkan semasa proses penganalisaan data seterusnya membantu dalam penambahbaikan prestasi. TeMIC yang diadakan secara berkala setiap dua tahun berjaya mencapai objektif program, dengan rekod nilai **penjanaan (RM52,686.69) melebihi nilai sasaran (RM50,000)**. Nilai penjanaan ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak **30.94%** berbanding TeMIC2021 (**Bukti 4.4.1.5**). Mesyuarat *Post-Mortem* dilaksanakan dalam memantau pencapaian TeMiC untuk penambahbaikan dan persediaan di masa hadapan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_A01_AB04_AC01_20241_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.1.1 .pdf](#)
2. [K0024_A01_AB04_AC01_20242_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.1.2 .pdf](#)
3. [K0024_A01_AB04_AC01_20243_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.1.3 .pdf](#)
4. [K0024_A01_AB04_AC01_20244_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.1.4 .pdf](#)
5. [K0024_A01_AB04_AC01_20245_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.1.5 .pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko pengurusan data yang dikenal pasti ialah **keberadaan data yang tidak tersusun**. Bagi mengatasi masalah ini, **satu medium penstoran Google Drive (GD) dan storan NAS telah digunakan**. Penyusunan data dalam **GD Keusahawanan 2023** membolehkan akses data tersedia untuk semua pihak yang terlibat.

Risiko lain yang berfokuskan kepada **projek Agropreneur Pintar Fertigasi Cili** yang melibatkan serangan **serangga perosak buah yang menyebabkan penyakit** Anthracnose, serangan kulat, dan juga serangan monyet. Risiko kedua adalah berkaitan dengan **cuaca yang tidak menentu**. (Bagi projek Agropreneur Penternakan Kelulut pula, antara risiko yang dikenal pasti ialah serangan binatang buas seperti beruang dan juga serangan semut.

Kesemua risiko ini berjaya dikenalpasti dengan pemantauan yang berterusan serta pelaporan yang efektif kepada pihak pengurusan. Medium pelaporan seperti MKSP yang diadakan dua kali dalam satu tahun turut membincangkan laporan berkenaan pencapaian **Objektif Kualiti** setiap unit. Objektif Kualiti 1 PJI (Memastikan 5 aktiviti keusahawanan mahasiswa dijalankan setiap tahun) yang dibentangkan dalam **MKSP 1/2023** menunjukkan pencapaian telah melebihi target dengan **7 aktiviti telah berjaya dilaksanakan**. Bagi **memperkasa** bilangan aktiviti selaras dengan sasaran, cadangan pelaporan mengikut semester telah diajukan, dan dipersetujui oleh semua ahli mesyuarat. Bukti pelaksanaan keputusan yang dibuat ini dapat dilihat dalam mesyuarat **MKSP 2/2023** yang mana kesemua aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan dilaporkan dan diminitkan **#mindakeusahawanan**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB04_AC02_20241_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.2.1 .pdf](#)
2. [K0024_A01_AB04_AC02_20242_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.2.2 .pdf](#)
3. [K0024_A01_AB04_AC02_20243_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.2.3 .pdf](#)
4. [K0024_A01_AB04_AC02_20244_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.2.4 .pdf](#)
5. [K0024_A01_AB04_AC02_20245_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.2.5 .pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCT **komited** dalam memastikan semua proses pengumpulan data berkaitan **keusahawanan** dilaksanakan dengan sempurna. Pelaporan data yang berkaitan **dikumpul, dianalisis, dan dibentangkan** dalam pelbagai mesyuarat di peringkat Bahagian atau Unit, memastikan semua pihak terlibat dan dimaklumkan mengenai perkembangan terkini. Salah satu langkah penambahbaikan ialah dengan melaksanakan **amalan turun padang oleh Pihak Pengurusan Tertinggi (Bukti 4.4.3.1)**. Langkah ini membolehkan pihak pengurusan melihat sendiri situasi sebenar, **memahami isu-isu yang** dihadapi oleh staf dan mahasiswa, serta mendapatkan **maklum balas langsung yang berguna untuk penambahbaikan**.

UiTMCT **menganalisis hasil tindakan** melalui pemilihan tempat sesuai, waktu pengumpulan data tepat, dan analisis berterusan untuk penambahbaikan berkesan. **Unit Strategik Dan Transformasi Universiti (USTU)** memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan pengurusan di UiTMCT. Mereka membantu **menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif** yang dirancang oleh universiti (**Bukti 4.4.3.2**). Selain itu, USTU juga bertanggungjawab memantau perkembangan Pelan Strategik (PS) UiTMCT untuk memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut jadual dan mencapai objektif yang ditetapkan (**Bukti 4.4.3.3**). Untuk itu, Pengarah Peneraju atau Pemilik perlu **mengisi data pencapaian** di dalam sistem **UePMO (Bukti 4.4.3.4)**. Dengan menggunakan sistem ini, USTU dapat memantau **inisiatif secara berterusan dan memastikan setiap tindakan yang diambil adalah berdasarkan data dan analisis** yang tepat. Pemantauan dilakukan **setiap suku tahun** di mana **sasaran peningkatan sebanyak 25%** untuk setiap projek ditetapkan. Perkembangan projek dipantau melalui **model lampu isyarat** yang menggunakan kod warna dimana kod merah sebanyak 0%-49%, kod kuning sebanyak 50%-99%, dan kod hijau sebanyak 100%), yang boleh dicetak melalui sistem **UePMO**.

Hasil tindakan **dianalisis dan dikaji semula untuk penambahbaikan** melalui **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan **dua kali setahun** dan dipengerusikan oleh Rektor UiTMCT (**Bukti 4.4.3.5**). Dalam mesyuarat ini, **objektif kualiti PJI untuk UiTMCT** serta bahagian-bahagian dan unit-unit di pejabat Rektor **dikaji dan diluluskan dengan penambahbaikan**. UiTMCT boleh menganalisa hasil tindakan dengan **menjalankan program sinergi**, menggabungkan usaha untuk mencapai impak penambahbaikan yang lebih besar. Selain itu, UiTMCT juga boleh menjalankan program sinergi bersama industri, komuniti, dan alumni, menggabungkan usaha untuk mencapai impak penambahbaikan yang lebih besar **#mindakeusahawanan**. Penganjuran **TeMIC 2023, GDIID 2023 dan IHEIID 2023** menunjukkan perancangan yang baik melalui analisis data, membantu penambahbaikan prestasi dan melebihi sasaran penjanaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB04_AC03_20241_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.3.1.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB04_AC03_20242_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.3.2 .pdf](#)
3. [K0024_A01_AB04_AC03_20243_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.3.3 .pdf](#)
4. [K0024_A01_AB04_AC03_20244_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.3.4 .pdf](#)
5. [K0024_A01_AB04_AC03_20245_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.4.3.5 .pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Isu dan peluang yang dilakukan dengan **menganalisis data untuk mengenal pasti masalah** serta kekurangan dalam program **keusahawanan** di UiTMCT (**Bukti 4.5.1**). Melalui analisis dalam data, peluang untuk peningkatan dan inovasi dapat dikenal pasti. Proses ini melibatkan pengumpulan dan pemprosesan maklumat dari pelbagai sumber, seperti **maklum balas mahasiswa, prestasi akademik, dan keperluan industri**. Dengan memahami masalah yang ada dan mengenal pasti perkara yang memerlukan pembaharuan, **strategi yang lebih efektif dapat dirancang dan dilaksanakan (Bukti 4.5.2)**.

Berdasarkan hasil analisis, **strategi dan pelan tindakan disusun** untuk mengatasi isu-isu yang ditemui (**Bukti 4.5.3**). Sasaran yang lebih spesifik dan berfokus ditetapkan **untuk memastikan penambahbaikan yang berkesan**, menjamin setiap langkah diambil tepat sasaran dan mendukung kemajuan program keusahawanan di UiTMCT. Langkah-langkah penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan strategi yang telah ditetapkan. Program latihan, kursus tambahan, dan bimbingan keusahawanan ditingkatkan sesuai dengan keperluan yang dikenal pasti, memastikan peningkatan kemampuan mahasiswa bagi program **keusahawanan** di UiTMCT. Hasil penganalisan data digunakan untuk memperkenalkan **program agropreneur, expertise coaching program**, dan meningkatkan **penjanaan nilai**. **Pemantauan yang teliti dan penilaian** berterusan adalah penting untuk memastikan kesan yang berkekalan dan kesinambungan dalam **penambahbaikan dan inovasi** dalam pendidikan **keusahawanan**. Sokongan tambahan disediakan untuk mendorong inovasi di kalangan mahasiswa dan staf, memastikan program tetap relevan (**Bukti 4.5.4**).

Data mengenai keperluan dan harapan industri **dimanfaatkan untuk memperbaiki hubungan dan kerjasama strategik**. Dengan memahami keperluan pasaran, UiTMCT dapat menyediakan **pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam dan praktikal**. Ini membantu mempersiapkan mahasiswa dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dengan keperluan industri, **meningkatkan kebolehpasaran** mereka serta memberi **manfaat jangka panjang** kepada mereka dan juga kepada industri yang mereka sasarkan (**Bukti 4.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB05_20241_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.5.1 .pdf](#)
2. [K0024_A01_AB05_20242_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.5.2 .pdf](#)
3. [K0024_A01_AB05_20243_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.5.3 .pdf](#)
4. [K0024_A01_AB05_20244_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.5.4 .pdf](#)
5. [K0024_A01_AB05_20245_UiTMCT_Bukti Pengukuran 4.5.5 .pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT diterajui oleh Rektor dibantu oleh Kepimpinan Kanan dan Pengurusan UiTMCT sentiasa memberi tumpuan kepada sumber manusianya untuk mewujudkan sistem kerja yang teratur dan sistematik serta menjamin kepuasan hati semua warga.

Staf (akademik dan pentadbiran) merupakan sumber manusia yang utama di UiTMCT dan sebagai penggerak organisasi yang menjadi elemen penting dalam membantu UiTMCT mencapai matlamat yang dirancang. **PERANCANGAN** sumber manusia di UiTMCT dibuat secara sistematik bagi memastikan penggunaan kepakaran yang optimum dan holistik. UiTMCT sentiasa memberi penekanan terhadap sumber manusia dalam bidang tumpuan (BT) dengan tema **keusahawanan**. Bagi menyokong keperluan sumber manusia beberapa **PERANCANGAN** telah dibuat oleh pihak Kepimpinan Kanan UiTMCT berpandukan kepada **Model Sinergi Holistik Keusahawanan**. Perancangan UiTMCT adalah melalui tiga keberhasilan utama iaitu **Agropreneur, Expertise Coaching Program & Penjanaan Nilai** yang digerakkan oleh sumber manusia di bawah kelolaan Kepimpinan Kanan dan Pengurusan UiTMCT.

UiTMCT menerapkan #mindakeusahawan kepada semua staf dalam menjayakan program-program BT yang dirancang. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti kerja dan kreativiti mereka. Bagi **MELAKSANAKAN** perancangan di atas, Kepimpinan Kanan UiTMCT sentiasa memastikan semua kemahiran dan kepakaran yang ada digunakan secara berkesan dan diagihkan dengan teratur. Sumber manusia yang mempunyai kelayakan dijadikan sebagai pakar rujuk. Oleh itu, pensyarah UiTMCT di hantar untuk mengikuti latihan agar mereka memiliki kepakaran dalam bidang Keusahawanan di bawah program Entrepreneurship Educator Expert (EEE) dan seterusnya menjalankan program Training of Trainer (ToT) kepada pensyarah dari pelbagai bidang yang tidak mempunyai asas keusahawanan.

Staf dan pensyarah yang memiliki kepakaran akan membimbing warga UiTMCT menjadi Agropreneur seterusnya mendapat geran penyelidikan hasil daripada kepakaran yang ada. Matlamat projek ini bertujuan memampakan pembangunan keusahawanan pada peringkat universiti seterusnya menyahut Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). Dasar ini berfungsi menyokong pembangunan komuniti keusahawanan yang inklusif dan kompetitif. Selain itu, pelaksanaan program ini dapat meningkatkan **Penjimatan & Penjanaan, Visibiliti dan Imej Kampus** serta **Kecemerlangan Warga UiTMCT** dalam bidang **keusahawanan #mindakeusahawan #nadiusahawanMADANI**.

Setelah perancangan yang dinyatakan dilaksanakan, Kepimpinan Kanan UiTMCT menjalankan **PEMANTAUAN** secara berkala untuk menilai kesan dan keberkesanan perancangan yang dilakukan. Pemantauan dilakukan dengan merekodkan semua penjanaan ke dalam akaun Wang Amanah dan Akaun Pengurusan serta dilaporkan secara berkala melalui mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP. Pemantauan juga mengambil kira Analisis Aduan Maklum Balas Program. Berdasarkan penilaian hasil Analisis data-data semasa peringkat pemantauan, Kepimpinan Kanan UiTMCT telah mengambil langkah-langkah **PENAMBAHBAIKAN** untuk meningkatkan penunjuk prestasi supaya mencapai 100 peratus. Pelbagai inovasi telah terhasil menerusi pendigitalan maklumat, Operational Excellence dan KIK.

Bagi meraikan usaha keras sumber manusia, UiTMCT membudayakan pengiktirafan kejayaan melalui e-mel, laman sesawangan dan platform media sosial rasmi. Majlis meraikan sumber manusia juga diadakan setiap tahun bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan. Bayaran honorarium, pensijilan dan bayaran yuran penerbitan artikel juga diberikan kepada staf untuk menghargai jasa-jasa mereka.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCT mempunyai seramai 809 sumber manusia melibatkan staf akademik dan bukan akademik. Bagi menjayakan bidang tumpuan Keusahawanan, kesemua staf memainkan peranan penting dalam proses merancang, mengurus dan melaksanakan serta memantau aktiviti keusahawanan.

Pendekatan pertama yang digunakan oleh pengurusan adalah dengan membentuk **Jawatankuasa aktiviti keusahawanan** yang terdiri daripada staf akademik dan staf bukan akademik. Jawatankuasa ini dibentuk berdasarkan kepakaran staf dalam bidang keusahawanan. Pemilihan sumber manusia dalam pembentukan jawatankuasa tadi berdasarkan kapasiti keperluan program untuk mengelakkan pembaziran sumber manusia. Bagi menghasilkan staf yang berkepakaran #mindakeusahawanan, pengurusan menghantar staf mengikuti kursus-kursus anjuran badan bertauliah. Kursus yang dihadiri membantu staf untuk penguasaan konsep keusahawanan serta dapat membantu membimbing warga UiTMCT dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Selain itu, pendekatan ini juga memastikan staf berkemampuan kearah #mindakeusahawanan dan #nadiusahawanMADANI. Kebaikan ini bukan terhad kepada staf sahaja, ia turut dipanjangkan kepada komuniti dan warga UiTMCT dimana pelbagai aktiviti keusahawanan telah dianjurkan, seperti Projek Kerepek Raya, Manis-Manis Bazar Ramadhan, Nescafe Youth Entrepreneurship Programme (NYEP), dan Mini Karnival Ambang Ramadhan. Hasil daripada perancangan sumber manusia yang sistematik ini telah berjaya menjalinkan kerjasama antarabangsa melalui program seperti Entrepreneurial Kahoot Games dengan Universitas Sumatera Utara (USU).

Pendekatan kedua yang digunakan oleh pengurusan adalah melalui **Expertise Coaching Program**. Melalui program ini, staf UiTMCT yang mempunyai kepakaran akan membimbing peserta dalam kursus dan aktiviti yang dianjurkan oleh Industri Kecil Sederhana (IKS) dan Akademi Pembangunan PKS, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan Unit Keusahawanan (Bukti 5.2.1). #nadiusahawanMADANI ini telah membantu mencapai sasaran **Objektif Kualiti PJI 3 Memastikan lima (5) aktiviti jaringan industri/masyarakat peringkat universiti/ kebangsaan/ antarabangsa diadakan setiap tahun dan PI076 (ICAN) Bilangan program pemindahan pengetahuan (KTP)**.

Expertise Coaching Program memberi impak yang besar kepada UiTMCT kerana hasilnya, UiTM Signature: Smart Agro Solarpreneur yang merupakan projek khas PS08 Agropreneur dibawah seliaan Timbalan Rektor PJI dapat dijalankan. Antara projek Agropreneur adalah seperti Projek Penternakan Kelulut, Projek Agro Pintar (Fertigasi) dan Program Smart Agro Solarpreneur (**Bukti 5.2.2**).

Selain itu, pendekatan ketiga ialah dengan melalui **penghargaan** kepada staf yang berjaya menjayakan bidang tumpuan keusahawanan. Pelbagai inisiatif dan penghargaan diberi dalam melahirkan sumber manusia yang berdaya saing dan lebih kompeten. Penglibatan staf dalam bidang tumpuan juga turut diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan. Pengiktirafan diberikan kepada warga UiTMCT yang proaktif dan berjaya dalam bidang Keusahawanan melalui satu majlis apresiasi Anugerah Akademik Universiti (AAU 2023) dan Anugerah Kecemerlangan Warga UiTMCT. Bagi menjayakan #nadiusahawanMADANI, Anugerah Khas PNC (Keusahawanan) dan Anugerah Fakulti Terbaik Penjanaan dan Keusahawanan telah disediakan (**Bukti 5.2.3**).

Pendekatan keempat yang digunakan oleh pihak pengurusan UiTMCT adalah melalui **Pemantauan Berkala**. Pemantauan dibuat melalui MKSP Lampiran Sumber Manusia (**Bukti 5.2.4**) dan Mesyuarat JKEN Khas (PS) (**Bukti 5.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_S01_SB02_20241_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.2.1.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB02_20242_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.2.2.pdf](#)

3. [K0024_S01_SB02_20243_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.2.3.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB02_20244_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.2.4.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB02_20245_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Staf merupakan aset yang paling bernilai dan berpotensi menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan UiTMCT. Bagi mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia, pengurusan UiTMCT menggunakan staf dalaman untuk **Expertise Coaching Program**. **Mentor Keusahawanan** dilantik dengan menugaskan staf berpengalaman sebagai mentor untuk warga UiTMCT yang berminat dalam bidang keusahawanan. Mentor juga membantu dalam memberikan nasihat, berkongsi pengalaman, dan membimbing dalam pembangunan perniagaan (**Bukti 5.3.1**).

Selain itu, pihak pengurusan UiTMCT juga menyediakan **Kursus dan Bengkel** yang ditawarkan oleh staf berpengalaman dalam bidang keusahawanan. Bengkel ini merangkumi topik seperti perancangan perniagaan, pemasaran digital, pengurusan kewangan, dan inovasi produk (**Bukti 5.3.2**). Pihak pengurusan juga memberi peluang kepada staf untuk mengikuti **program pembangunan profesional** berterusan dalam keusahawanan, termasuk program latihan luar negara atau program sijil khusus (**Bukti 5.3.3**).

Pihak pengurusan UiTMCT juga mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia melalui **Jaringan Industri** dengan menjalin kerjasama dengan industri dan usahawan tempatan untuk menyediakan peluang latihan industri, bimbingan, dan perkongsian pengetahuan. Ini juga termasuk peluang untuk staf berkolaborasi dalam projek penyelidikan atau pembangunan produk dengan syarikat-syarikat tersebut (**Bukti 5.3.4**). Sebanyak empat (4) program yang telah dijalankan pada semester Oktober 2022 - Mac 2023 oleh UiTMCT Kampus Dungun dan UiTMCT Kampus Bukit Besi iaitu Meet and Greet with PNC MASMED dan AI-Ikhsan Energize Campus for Entrepreneurship (UiTMCT Kampus Dungun) dan Sesi Perkongsian bersama Pengasas Sutera Spa, Sesi Perkongsian bersama Pengasas Rawdenim House, Kursus Asas Pramusaji bersama AADK, Kursus Jangka Pendek bersama SMK Sultan Mansor, dan Kursus Jangka Pendek Customer Excellent bersama Terengganu Incorporated.

Pusat Keusahawanan dan Inkubasi juga disediakan oleh pihak pengurusan UiTMCT untuk mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia. Pusat keusahawanan di kampus ini berfungsi sebagai pusat sumber untuk semua aktiviti berkaitan keusahawanan (**Bukti 5.3.5**). Pusat ini boleh menawarkan ruang kerja, peralatan, dan sokongan teknikal. Bagi program inkubasi, ia adalah untuk membimbing staf dalam mengembangkan idea perniagaan dari konsep hingga pelaksanaan. Antara contoh inkubasi di dalam UiTMCT ialah Projek Kelulut dan Program Smart Agro Solarpreneur dimana para peserta ini diberikan latihan praktikal selama 2 bulan di pusat latihan/inkubator di UiTMCT. Sepanjang tempoh latihan, para peserta telah di dedahkan kepada ketiga-tiga bidang Fertigasi, Solar dan Kelulut. Para peserta di bimbing oleh pakar yang mahir dan berpengalaman dalam bidang agroteknologi sepanjang latihan tersebut. Setelah tamat sesi latihan, para peserta diberikan bantuan oleh pihak penganjur dengan permulaan modal dalam bentuk latihan bahan keperluan bagi penyediaan pembinaan "ladang agro/ sarang kelulut" di kediaman masing-masing **#nadiusahawanMADANI**. Selain itu, Kelab Koperasi Siswa (KOSISWA) juga berfungsi sebagai inkubasi dimana staf dan pensyarah memantau pelajar dalam **membudayakan keusahawanan** di dalam kalangan mahasiswa UiTMCT.

Dengan perluasan-perluasan ini, pengurusan UiTMCT dapat mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman staf untuk menjayakan **#nadiusahawanMADANI**, sekaligus menyumbang kepada pembangunan universiti, pelajar dan masyarakat.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB03_20241_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.3.1.pdf](#)

2. [K0024_S01_SB03_20242_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.3.2.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB03_20243_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.3.3.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB03_20244_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.3.4.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB03_20245_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCT menjadikan Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia UiTM (PSPSM) 2021-2025 (**Bukti 5.4.1.1**) sebagai rujukan utama untuk mendapatkan tahap kepuasan hati sumber manusia supaya berada di tahap yang cemerlang.

Tahap kepuasan hati sumber manusia terhadap sistem kerja dilakukan melalui pelbagai kaedah. Antaranya melalui **Amanat Rektor** dan **Program Rektor Turun Padang** yang bertujuan mendapatkan isu dan permasalahan staf. Selain itu, **Audit Penilaian Luar iQMS Kitaran 6/2022** (2 tahun sekali), **Audit Kewajaran Sumber Manusia**, dan **pemantauan tempat kerja** turut dijalankan untuk memastikan tahap kepuasan hati terhadap persekitaran dan sistem kerja dapat dipertingkatkan. Pemantauan tempat kerja juga dilakukan oleh Unit Penilaian Risiko (UPR) bagi mencapai objektif unit seperti keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain. Selain itu, Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) pula bertindak untuk menambahbaik fasiliti sedia ada seperti baikpulih penyaman udara dan selenggara fasiliti dapur Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (**Bukti 5.4.1.2**).

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) turut diamalkan agar dapat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal. Ini dapat mengurangkan pembaziran dari segi masa, ruang serta dapat menjimatkan kos operasi. Melalui EKSA, **Program Gotong-royong Perdana 2023** juga turut diadakan. Aktiviti seperti ini sedikit sebanyak dapat menerapkan semangat cintakan kampus kepada seluruh warga UiTMCT. Ia juga penting dalam usaha melestarikan kampus UiTMCT selari dan bertepatan dengan Tema 8 Pelan Strategik UiTM iaitu mewujudkan kampus yang lestari selaras dengan Sustainable Development Goal (SDG) yang ditetapkan (**Bukti 5.4.1.3**).

Apabila semua kaedah di atas dijalankan, ia dapat menjayakan bidang tumpuan Keusahawanan di UiTMCT dengan baik. **Lawatan ke inkubasi dan tapak projek Agropreneur** sangat membantu memastikan segala isu yang dialami oleh pengusaha-pengusaha projek dapat ditambahbaik.

Tahap kepuasan hati terhadap persekitaran dan sistem kerja sumber manusia juga diukur melalui **Soal Selidik Cerbis dan UHI 5.0 (Bukti 5.4.1.4)**. Hasil dapatan kemudiannya, dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Selain itu, bagi memastikan tahap kepuasan hati berjaya dicapai, e-aduan telah diwujudkan. **E-aduan** ini dapat menjadikan penyampaian perkhidmatan lebih berkesan dan efektif (**Bukti 5.4.1.5**). Semua hasil di atas akan dibentangkan dalam MKSP yang dilaksanakan dua kali setahun bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_S01_SB04_SC01_20241_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.1.1.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB04_SC01_20242_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.1.2.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB04_SC01_20243_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.1.3.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB04_SC01_20244_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.1.4.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB04_SC01_20245_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.1.5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UPR UiTMCT bertanggungjawab agar pengurusan risiko diurus dengan baik tanpa ada impak negatif memandangkan persekitaran Universiti yang kompleks mengundang pelbagai risiko (**Bukti 5.4.2.1**).

Risiko pertama ialah Operasi kepada sumber manusia iaitu **ketidacukupan sumber manusia** untuk menguruskan sistem kerja. **Audit Kewajaran Sumber Manusia di Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri Bilangan 29/2023** dilakukan dalam usaha untuk memastikan kewajaran pengurusan sumber manusia ini bertepatan dengan penempatan staf di bahagian/unit, deskripsi tugas, perkembangan kerjaya staf bukan akademik di UiTMCT (**Bukti 5.4.2.2**).

Risiko kedua ialah **Tahap kompetensi staf**. Staf yang kurang kompeten akan memberi kesan negatif kepada produktiviti dan pembangunan universiti. Pelbagai mekanisme dijalankan untuk mengukur tahap kompetensi pensyarah melalui TESA, SUFO, dan Propens. Staf akademik dan bukan akademik juga dihantar menghadiri kursus mengikut keperluan dan diwajibkan melengkapkan Jam Latihan 42 jam setahun (**Bukti 5.4.2.3**).

Bagi menjayakan bidang tumpuan yang dipilih, selaras dengan Dasar Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan UiTMCT, sebarang program **Keusahawanan** yang akan dijalankan perlu mengisi **Borang Analisa Risiko Aktiviti (Bukti 5.4.2.4)** dan dihantar oleh penganjur sebelum menjalankan sebarang aktiviti dengan menyenaraikan potensi risiko dari program yang akan dianjurkan meliputi aspek seperti risiko strategik, kewangan, perundangan, reputasi dan operasi. Penganjur juga perlu menyenaraikan langkah pencegahan terhadap risiko yang telah disenaraikan bagi mengelak risiko tersebut berlaku. Bagi program yang menjana pendapatan, Borang Penilaian Risiko Projek Penjana Pendapatan perlu dihantar bersama Borang Analisa Risiko Aktiviti. Borang ini mengandungi Daftar Risiko Projek yang melibatkan **fasa perancangan, fasa pembinaan dan fasa pelaksanaan**.

Risiko ketiga ialah **Kewangan** seperti **penyelewengan duit hasil daripada aktiviti Penjana dan Keusahawanan**. Sebarang program menggunakan transaksi tanpa tunai telah digantikan dengan aplikasi QR. Menerusi aplikasi ini, semua transaksi keusahawanan akan terus dikreditkan ke dalam akaun bank dan direkodkan dalam kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Amanah. Bagi projek berterusan seperti madu kelulut, hasil jualan juga dibentangkan secara berkala kepada pihak pengurusan (**Bukti 5.4.2.5**).

Selain itu, bagi risiko **pengurusan operasi projek tergendala**, seperti Program Solarpreneur, Kepimpinan Kanan UiTMCT memantau melalui Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP. Medium WhatsApp dan Telegram juga digunakan untuk pemantauan kerana ia lebih cepat.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB04_SC02_20241_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.2.1.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB04_SC02_20242_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.2.2.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB04_SC02_20243_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.2.3.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB04_SC02_20244_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.2.4.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB04_SC02_20245_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.2.3.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan UiTMCT berusaha memastikan persekitaran tempat kerja dan sistem kerja berada pada tahap yang baik melalui:

1. **Pemberitahuan tentang arahan pentadbiran dan pekeliling** melalui Amanat Tahun Baru Rektor, Program Rektor Turun Padang dan Mesyuarat- mesyuarat bersama staf akademik dan bukan akademik (**Bukti 5.4.3.1**).
2. **Audit Kewajaran Sumber Manusia**
3. **Pengukuran tahap kepuasan hati** melalui e-Aduan Fasiliti di (<https://fms.uitm.edu.my/>), e-Aduan UiTM dan Sistem Aduan ICT (UNITS) di (<https://units.uitm.edu.my/>). Sebarang maklumbalas akan diambil perhatian untuk tujuan penambahbaikan.
4. **Kajian UiTM Happiness Index 5.0** bagi mengukur Indeks Kegembiraan Staf 2023. Keputusan UHI5.0 ialah 75% menunjukkan tahap kegembiraan staf adalah memuaskan. **Soal Selidik CerBiS 2023 (Ceria, Bersih dan Selamat)** pula untuk mengukur persepsi terhadap persekitaran UiTMCT dan keputusan menunjukkan purata Mean 7.25, bermaksud ia mempunyai maklumbalas yang positif (**Bukti 5.4.3.2**).
5. **Menyediakan perkhidmatan kerjaya dan kaunseling** yang profesional dan beretika bagi membantu staf mencapai kesejahteraan emosi, pemikiran, spiritual dan tingkah laku dan membantu meningkatkan pembangunan diri serta personaliti staf menjadi lebih berwibawa, seimbang, efektif dan produktif. Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTMCT telah memenangi 3 anugerah sempena Majlis Apresiasi Pegawai Psikologi UiTM 2024. Pengiktirafan ini diberikan atas pencapaian sepanjang tahun 2022/2023 (**Bukti 5.4.3.3**).

Tindakan yang diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah melalui:

1. **Expertise Coaching Program** menyediakan peluang untuk berhubung dengan usahawan berjaya, mentor, dan jaringan industri yang boleh memberikan sokongan dan bimbingan. Kemudian, warga yang berkecukupan akan terlibat dalam program Pemindahan ilmu bersama komuniti untuk menyebarkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bukan sahaja di kalangan warga tetapi juga kepada komuniti.
2. **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan dua kali setahun mengkaji semula objektif kualiti Pejabat Bendahari dan PJI bagi memantau pencapaian PI keusahawanan tahun 2023. Selain itu, Mesyuarat JKEN Khas (PS) juga adalah satu platform untuk melaporkan status terkini projek keusahawanan secara berkala (**5.4.3.4**).
3. Hasil **maklumbalas pelanggan** dari program yang dijalankan, Kepimpinan Kanan UiTMCT menggunakan pelbagai kaedah untuk mengukur kepuasan hati tenaga kerja dan telah mengambil kira semua maklum balas yang diterima daripada tenaga kerja. Setiap tahun, pihak pentadbiran akan mengisi tinjauan keperluan latihan staf (**Bukti 5.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB04_SC03_20241_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB04_SC03_20242_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.3.2.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB04_SC03_20243_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.3.3.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB04_SC03_20244_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.3.4.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB04_SC03_20245_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.4.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Aktiviti inovasi merupakan medium terbaik untuk penambahbaikan proses kerja sumber manusia. Penambahbaikan berterusan merupakan aspek penting dalam memastikan tugas dan aktiviti yang dijalankan efisien dan efektif. Penambahbaikan proses kerja juga mampu menjadikan staf bekerja dengan lebih tangkas, baik dan cemerlang.

Inovasi yang terhasil ialah melalui **Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi (OE)**. Berdasarkan Rajah K5.5, tren menunjukkan ada peningkatan dalam penghasilan OE di UiTMCT. Selain OE, **KIK** utk penambahbaikan, dan **inovasi pendigitalan** utk sistem kerja turut terhasil (**Bukti 5.5.1**).

Bagi inovasi pendigitalan adalah melalui **pengumpulan maklumat dan rekod melalui pendigitalan proses dan pelaporan seperti penggunaan Google Drive bagi merekod data yang dikumpul**. Melalui sistem itu, maklumat dapat dijana dan dikumpulkan. Pengumpulan rekod yang lebih sistematik membantu mempermudah urusan pengumpulan data dan membuat analisis untuk penambahbaikan sistem kerja warga UiTMCT (**Bukti 5.5.2**). Bagi menjayakan bidang tumpuan Keusahawanan, inovasi yang terhasil adalah penubuhan **Pengumpulan Data Sistem SMART**. Sistem ini akan merekodkan pelaporan aktiviti alumni dan kepakaran, industri (perkongsian kepakaran), MOU/MOI/LOI bersama industri dan program jaringan industri.

Pengurusan UiTMCT memberi **penghargaan dan pengiktirafan** kepada warga dengan menghebahkan **pencapaian warga melalui laman web UiTMCT, bayaran honorarium kursus jangka pendek, menaja pensijilan kepakaran, menaja yuran penerbitan artikel dan mengagihkan pendapatan kepada Tabung Amanah Fakulti jika membuat penjanaaan** (**Bukti 5.5.3**). Selain dari itu, kesan pembudayaan positif yang mapan ini telah memberi manfaat bukan saja kepada warga UiTMCT tapi turut memberi impak positif serta kepercayaan dimana hubungan erat MoU diperkukuhkan dengan pihak industri (**Bukti 5.5.4**).

Pengiktirafan juga diberikan kepada warga UiTMCT yang berjaya menjalankan bidang Keusahawanan melalui anugerah-anugerah seperti di **Bukti 5.5.5**. Pengiktirafan dan penghargaan secara kolektif ini dilihat dapat memacu kepada penghasilan output yang lebih banyak dan berkualiti dalam menghasilkan **#nadiusahawanMADANI** dan **#mindakeusahawanan**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB05_20241_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.5.1.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB05_20242_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.5.2.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB05_20243_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.5.3.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB05_20244_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.5.4.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB05_20245_UiTMCT_Bukti Sumber Manusia 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT menerapkan elemen **PDCA** dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan agenda keusahawanan. Melalui PDCA, semua Bahagian dan Unit bersatu dalam memastikan setiap program dan inisiatif keusahawanan mencapai Perancangan Strategik (PS) yang digariskan.

Dalam menyokong pelaksanaan PS UiTMCT, **PERANCANGAN** bagi merealisasikan **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** dibahagikan kepada tiga keberhasilan keusahawanan iaitu **Program Agropreneur**, **Expertise Coaching Program**, dan **Penjanaan Nilai**. Program Agropreneur mengetengahkan inisiatif UiTMCT dalam **melahirkan graduan yang berciri keusahawanan** melalui projek penternakan (penghasilan madu kelulut (UiTMMyHoney) dan sarang burung walit) dan pertanian (fertigasi cili). **Expertise Coaching Program** pula memberi tumpuan kepada **peningkatan kompetensi dan kepakaran tenaga pengajar UiTMCT** melalui pelbagai program bimbingan kepakaran bersama industri dan kepada komuniti. Manakala Penjanaan Nilai menunjuk usaha proaktif dalam **memperkuhkan kemampuan kewangan UiTMCT** menerusi hasil ternakan dan tuaian projek Agropreneur, sewaan ruang dan aset, perundingan, kursus jangka pendek dan jualan di kedai runcit.

Semua Bahagian dan Unit dipertanggungjawabkan memastikan **PELAKSANAAN** PS UiTMCT bagi merealisasikan aktiviti **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI**. **Pendekatan yang sistematik** menerusi **Model Sinergi Holistik Keusahawanan** merumuskan komitmen dalam merekodkan **pengumpulan data** secara berkala sebelum **disebarluaskan** kepada warga UiTMCT melalui pelbagai platform, sama ada secara digital mahupun bukan digital. Usaha ini membuka ruang untuk **penerimaan maklum balas** bagi tujuan **perancangan penambahbaikan program keusahawanan** di UiTMCT.

Bagi menjamin kelestarian pencapaian PS UiTMCT, usaha **PEMANTAUAN** program-program keusahawanan dijalankan secara berterusan melalui **pengurusan dokumentasi, lawatan pemantauan, rekod kehadiran dan sijil pengiktirafan**. Hasil dari aktiviti pemantauan yang dilaksanakan bukan sahaja mengasah **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** dalam kalangan warga UiTMCT, malah menunjukkan **kesiapsiagaan** semua Bahagian dan Unit dalam memastikan **kelancaran dan pematuhan prosedur**.

Dalam ketiga-tiga **proses keberhasilan keusahawanan**, UiTMCT tidak terkecuali daripada potensi berdepan **risiko**. **Maklum balas pelanggan dikenal pasti** dari kalangan pensyarah serta Bahagian dan Unit. Ia kemudian **direkod bagi tujuan pemantauan** sebelum **langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan digarap** dalam usaha menjamin kesinambungan projek-projek **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** di UiTMCT.

PENAMBAHBAIKAN diintegrasikan melalui inisiatif dalaman, lawatan Pengurusan Eksekutif, maklum balas pelanggan dan pihak berkepentingan, serta penyediaan infrastruktur, sokongan pentadbiran, dan bimbingan berterusan dalam keusahawanan. Peluang penjanaan hasil melalui kerjasama industri, komuniti, perundingan, dan pengkomersialan inovasi juga diteroka bagi memastikan operasi **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** yang berterusan dan kewangan yang mampan.

PEMANTAUAN, PENGENALPASTIAN RISIKO dan **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** diambil bagi menjamin kelestarian aktiviti **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** di UiTMCT serta mengukuhkan lagi kesejahteraan warga bersama pihak industri dan komuniti sejagat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selaras dengan PS UiTMCT (**Bukti 6.2.1**), semua perancangan disediakan secara sistematik dengan mengambil kira semua elemen penambahbaikan, pengetahuan dan inovasi yang dicapai hasil dari penerapan Model Sinergi Holistik Keusahawanan di setiap Bahagian dan Unit dalam memperkasakan tiga agenda utama keusahawanan (**Bukti 6.2.2**).

Program Keusahawanan Melibatkan Pelanggan (Projek Agropreneur) (**Bukti 6.2.3**) telah menjadi wadah penting dalam mendidik dan membudayakan warga UiTMCT dengan nilai-nilai **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** dalam bidang pertanian dan penternakan. Tiga projek utama iaitu **Penghasilan Madu Kelulut, Fertigasi Cili, dan Penghasilan Sarang Burung Walit** dilaksanakan di UiTMCT dengan mengoptimumkan sumber semula jadi yang sedia ada. Kerjasama erat antara semua Bahagian dan Unit, serta penglibatan aktif kelab MyAgrosis, telah memastikan kelangsungan dan keberhasilan projek-projek ini melalui sistem kerja yang teratur dan sistematik.

Program Keusahawanan Melibatkan Tumpuan Operasi (Expertise Coaching Program) memainkan peranan penting dalam memastikan kompetensi sumber manusia, kecekapan operasi dan pengurusan aktiviti keusahawanan lebih efektif dan efisien. UiTMCT komited dalam menyediakan infrastruktur dan infostruktur yang lengkap serta menawarkan bimbingan berterusan kepada semua warga yang terlibat. Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, bersedia untuk menceburi dunia perniagaan, dan memiliki **#mindakeusahawanan** yang jitu.

Peningkatan kompetensi dan kepakaran tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan menjadi fokus utama pihak Pengurusan UiTMCT. **Program Bimbingan Kepakaran** ini telah dirangka untuk melahirkan lebih ramai tenaga pakar yang mahir dalam bidang keusahawanan, pendedahan kepada rangkaian profesional dengan berinteraksi dengan pakar industri, berkongsi pengalaman, dan mempelajari strategi terkini dalam bidang keusahawanan. Program ini menawarkan pengiktirafan **Entrepreneurial Expert** kepada pensyarah yang memenuhi kriteria seperti berpengalaman mengajar kursus perniagaan dan keusahawanan, memiliki sijil asas keusahawanan, aktif membimbing warga UiTMCT dan komuniti dalam pemindahan ilmu, atau aktif menjalankan perniagaan sendiri.

Sepanjang tahun 2023, UiTMCT telah menganjurkan pelbagai program keusahawanan yang selaras dengan nilai-nilai **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** (**Bukti 6.2.4**). Program-program ini dirangka untuk memenuhi keperluan penilaian kurikulum dan kokurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekaligus memperkaya pengalaman pengajaran dan pembelajaran dan mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran dunia pekerjaan.

Seterusnya, **Program Keusahawanan untuk Meningkatkan Prestasi Kewangan (Penjanaan Nilai)** adalah merupakan strategi utama UiTMCT dalam mempelbagaikan sumber pendapatan (**Bukti 6.2.5**). Melalui kerjasama industri, perundingan, dan pengkomersialan hasil inovasi, program ini menyokong operasi universiti dan memastikan kelangsungan aktiviti keusahawanan. Inisiatif seperti **Projek Penternakan Madu Kelulut, Projek Fertigasi Cili, Program Smart Agro Solarpreneur, sewaan ruang dan aset, serta MASMED Minimart** bukan sahaja menjana pendapatan, malah turut melahirkan jenama komersil seperti **UiTMyHoney** yang menjadi kebanggaan UiTMCT. Dengan pendekatan proaktif ini, UiTMCT yakin akan terus berkembang sebagai institusi pendidikan tinggi yang mampan dan berdaya saing, selaras dengan **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** UiTMCT.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_O01_OB02_20241_UiTMCT_Bukti Operasi 6.2.1.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB02_20242_UiTMCT_Bukti Operasi 6.2.2.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB02_20243_UiTMCT_Bukti Operasi 6.2.3.pdf](#)

4. [K0024_O01_OB02_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.2.5.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB02_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pendekatan sistematik melalui **Model Sinergi Holistik Keusahawanan dilaksanakan secara meluas kepada seluruh UiTMCT** bagi memastikan proses-proses utama berjalan dengan berkesan. Penglibatan semua bahagian/unit/fakulti untuk mengambil tanggungjawab memainkan peranan utama dalam menggerakkan agenda **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** ini. PS UiTMCT menjadi kayu pengukur untuk memastikan aktiviti keusahawanan berskala universiti, kebangsaan, atau antarabangsa dapat dilaksanakan setiap tahun, bagi memupuk semangat keusahawanan di kalangan warga UiTMCT.

Fokus keberhasilan dalam sinergi antara setiap bahagian/unit/fakulti membantu melahirkan graduan berciri **Keusahawanan Tani (Agropreneur) (Bukti 6.3.1)**, **kepakaran melalui Program Bimbingan Pakar (Expertise Coaching Program) (Bukti 6.3.2)** dan **Penjanaan Nilai (Bukti 6.3.3)** seperti dalam **Model Sinergi Holistik Keusahawanan (Bukti 6.3.4)**. Penerapan elemen PDCA dalam proses utama UiTMCT yang diselaraskan dengan Model Sinergi Holistik Keusahawanan bagi memastikan kitaran PDCA ini berfungsi dengan lancar dan sejajar dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Bagi memastikan perluasan dan kesedaran operasi-operasi utama kepada seluruh warga aktiviti hebahan sentiasa disebarluas kepada warga UiTMCT melalui **platform Amanat Rektor (tahunan), mesyuarat JKEN Khas (PS), mesyuarat Bahagian dan Unit, MKSP, Facebook, Telegram, Instagram, Kelab dan Persatuan (Bukti 6.3.5)**. Selain itu, amalan turun padang oleh pengurusan tertinggi, inisiatif jabatan/fakulti/kelab dan persatuan, maklumbalas pelanggan dan kolaborasi komuniti dan industri sentiasa dipertingkatkan dan ditambahbaik.

Kaedah pengumpulan data operasi ialah melalui penghantaran laporan dan sesi **audit** yang terlibat seperti **Audit Dalam** yang dilaksanakan sekali setahun, **Audit Luar iQMS dan Audit Badan Profesional** secara berkala, **analisis aduan maklum balas pelanggan, laporan Happiness Index, Pembentangan Perancangan Strategik [Mesyuarat JKEN Khas (PS)]** dan sebagainya. Data-data dikumpulkan, dianalisis dan dibentangkan melalui MKSP iaitu sebanyak dua kali setahun bagi tujuan tindakan pembedahan dan penambahbaikan berterusan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB03_20241_UiTMCT_Bukti Operasi 6.3.1.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB03_20242_UiTMCT_Bukti Operasi 6.3.2.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB03_20243_UiTMCT_Bukti Operasi 6.3.3.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB03_20244_UiTMCT_Bukti Operasi 6.3.4.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB03_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan **hasil pemantauan** terhadap pencapaian PS UiTMCT dan Objektif Kualiti, semua hasil dapatan program perlu dibentangkan dalam platform **MKSP, Mesyuarat Bahagian PJI dan Mesyuarat JKEN Khas (PS)** bagi mengenalpasti langkah penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Melalui program MyENT, mahasiswa akan dibimbing untuk menguruskan perniagaan serta bimbingan pendaftaran perniagaan mereka melalui laman sesawang Akademi PPS dan Pembangunan Keusahawanan Malaysia. Pensyarah juga melakukan pemantauan aktiviti di mana pelajar dikehendaki melaporkan jumlah jualan yang telah dilakukan oleh mereka (**Bukti 6.4.1.1**). Melalui pemantauan yang dijalankan, **pelajar** dapat **mengasah #mindakeusahawan** mereka dengan mengesan cabaran dan peluang baharu di dalam dunia perniagaan.

Penubuhan MASMED sebagai satu unit keusahawanan turut **memperkasakan #mindakeusahawan** dan **#nadiusahawanMADANI** dalam kalangan **pensyarah**. Pensyarah diberi peluang untuk menghadiri kursus keusahawanan bagi memperolehi sijil kompetensi *Entrepreneurship Educator Expert*. Sijil ini melayakkan pensyarah untuk mengajar subjek keusahawanan yang ditawarkan di setiap program akademik. Berikut merupakan lampiran kursus-kursus yang dihadiri oleh para pensyarah (**Bukti 6.4.1.2**).

Bagi Penjanaan Nilai, pemantauan terhadap kemudahan sewaan peralatan dan tempat diuruskan oleh Unit Penjanaan Pendapatan dan Perundingan, serta Jawatankuasa Ruang Niaga. Pejabat Bendahari pula bertanggungjawab menguruskan pemantauan dari segi sebutharga dalam Sistem Perolehan, menjana bil dan pembayaran. Pejabat Bendahari juga bertanggungjawab menguruskan penyediaan fasiliti dan memenuhi keperluan pelanggan (**Bukti 6.4.1.3**).

Pemantauan projek penternakan kelulut, burung walit dan projek fertigasi cili adalah secara berkala di sebelah pagi melibatkan empat kawasan penternakan dan pertanian. Manakala, tempoh pemantauan tambahan adalah 1 hingga 2 jam bergantung kepada masalah yang dihadapi (**Bukti 6.4.1.4**).

Pemantauan dan pengurusan rumah burung walit pula dilakukan pada setiap bulan oleh konsultan yang dilantik (**Bukti 6.4.1.4**). Tugas pemantauan merangkumi kebersihan rumah burung walit, kutipan hasil, membuat jualan sarang burung walit. Pelantikan adalah berdasarkan kepada kepakaran yang dimiliki, mempunyai jaringan dengan pemain industri di samping beliau juga merupakan usahawan penternak yang memiliki rumah burung walit sendiri. Kutipan hasil dibuat bergantung kepada jumlah sarang burung walit yang terbentuk (**Bukti 6.4.1.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_O01_OB04_OC01_20241_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.1.1.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB04_OC01_20242_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.1.2.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB04_OC01_20243_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.1.3.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB04_OC01_20244_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.1.4.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB04_OC01_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCT mengenalpasti punca risiko utama jaringan **keusahawanan dalam kalangan mahasiswa** bagi membina **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** adalah modal dan masa yang terhad menyebabkan mahasiswa tidak dapat mengoptimumkan kemahiran keusahawanan yang mereka pelajari. Ini disebabkan mahasiswa kurang bersedia untuk melibatkan diri dalam program-program yang dijalankan atas kekangan masa dan tumpuan kepada aktiviti pembelajaran kursus teras. Hasil daripada temubual bersama pensyarah yang mengajar subjek ENT300 mendapati bahawa di antara risiko yang dilaporkan ialah mahasiswa kurang berminat melakukan aktiviti perniagaan dan barang-barang jualan tidak habis dijual dan melibatkan kerugian modal kepada para mahasiswa (**Bukti 6.4.2.1**). **Langkah pencegahan sentiasa diambil** bagi mengelakkan kerugian dengan memastikan kelangsungan aktiviti keusahawanan diteruskan melalui aktiviti karnival mini keusahawanan dan hari terbuka kelab.

Manakala, risiko **keusahawanan dalam kalangan pensyarah** pula disebabkan oleh faktor masa. Pensyarah kurang bersedia untuk menjalankan program berkaitan keusahawanan kerana jadual pengajaran yang padat dan KPI penyelidikan yang tinggi (**Bukti 6.4.2.2**).

Berdasarkan pelaksanaan sewaan/aktiviti **Penjanaan Nilai**, terdapat risiko kerosakan kemudahan disebabkan oleh *wear and tear* atau faktor usia kemudahan yang terdapat di UiTMCT, namun dengan aktiviti penjanaan pendapatan, **tindakan pencegahan** pihak UiTMCT dapat memanfaatkan hasil yang diperolehi bagi membaikpulih atau mengganti kemudahan tersebut antaranya penggantian alas meja dan kerusi. Unit Pengurusan Majlis, BPF dan melakukan penambahbaikan Kem Gemia dibiayai oleh peruntukan Tabung Amanah Am (**Bukti 6.4.2.3**).

Risiko terhadap **Projek Agro Pintar Fertigasi Cili** berkaitan serangan **serangga perosak buah yang menyebabkan penyakit** Anthracnose, serangan kulat, dan juga serangan monyet yang memusnahkan tanaman. Bagi projek Agropreneur Penternakan Kelulut pula, antara risiko yang dikenal pasti ialah serangan binatang buas seperti beruang dan juga serangan semut, selain dari risiko cuaca. (**Bukti 6.4.2.4**). Kesemua risiko dapat dilihat di (**Bukti 6.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB04_OC02_20241_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB04_OC02_20242_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.2.2.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB04_OC02_20243_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.2.3.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB04_OC02_20244_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.2.4.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB04_OC02_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.2.5.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan penambahbaikan dan pencegahan yang boleh dilakukan bagi **projek keusahawanan dalam kalangan mahasiswa** adalah dengan menganjurkan program-program motivasi berkaitan kepentingan melakukan perniagaan bersama alumni UiTM dan pakar industri yang hebat dalam dunia perniagaan untuk menyuntik semangat dan meningkatkan **#mindakeusahawan (Bukti 6.4.3.1)**.

Bagi **projek keusahawanan dalam kalangan pensyarah**, penambahbaikan boleh dilaksanakan dengan menambah elemen keusahawanan dalam aktiviti para pensyarah serta nilai tambah kepada penilaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) **(Bukti 6.4.3.2)**. Pihak pengurusan UiTMCT boleh meningkatkan motivasi warga UiTMCT dengan menggalakkan mereka menyertai pelbagai bengkel atau seminar keusahawanan.

Bagi projek **Penjanaan Nilai**, berdasarkan pelaksanaan sebelumnya, pihak pengurusan UiTMCT bersetuju mewujudkan **Unit Penjanaan Pendapatan (UPP)** yang ditempatkan di bawah Pejabat Rektor dalam memastikan aktiviti penjanaan pendapatan dapat diselaraskan dengan lebih efisien dan teratur. Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil adalah menjadikan UPP sebagai one-stop center bagi aktiviti penjanaan pendapatan di UiTMCT. UPP bertanggungjawab mengenal pasti ruang, aktiviti dan kepakaran yang boleh dipasarkan, selain mengenal pasti dan menyelaraskan promosi ruang/kemudahan serta menawarkan pakej sewaan menarik kepada pelanggan **(Bukti 6.4.3.3)**. Penambahbaikan projek Penjanaan Nilai boleh dilakukan melalui dua kaedah utama iaitu dari segi kewangan dan bukan kewangan. Contoh Penjanaan Nilai kewangan adalah mengadakan kursus jangka pendek, penganjuran seminar-seminar berkaitan inovasi dan teknologi IOT serta program gunasama ruang sukan **(Bukti 6.4.3.4)**. Manakala, Penjanaan Nilai bukan kewangan termasuklah meningkatkan imej UiTMCT melalui penganjuran bersama pertandingan-pertandingan berkaitan aktiviti keusahawanan.

Bagi **projek-projek Agropreneur**, antara proses penambahbaikan **madu kelulut** yang boleh dilakukan ialah menanam pokok bunga kegemaran kelulut serta meletakkan log kelulut di tempat yang tepat. Manakala penambahbaikan projek **fertigasi cili** pula dengan pelaksanaan teknik pembajaan yang betul, memastikan penjarakan tanaman, penggunaan racun mengawal kulat yang bersesuaian, pemantauan pemasangan pagar elektrik dan pertukaran tanaman (cili kepada keledak) bagi menghalang virus yang sama menyerang pokok tanaman. Bagi projek **burung walit**, penambahbaikan melalui penyediaan sistem bunyi bagi menarik kehadiran burung walit, memusnahkan serangga perosak seperti cicak yang terdapat dalam rumah burung walit, serta menanam pokok-pokok yang dapat menarik kehadiran serangga kecil yang menjadi makanan burung walit **(Bukti 6.4.3.5)**. Setiap penambahbaikan yang dilaksanakan dibentang dalam Mesyuarat Bahagian PJIA bagi memastikan pemantauan lebih berkesan dan mencapai sasaran ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB04_OC03_20241_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.3.1.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB04_OC03_20242_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.3.2.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB04_OC03_20243_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.3.3.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB04_OC03_20244_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.3.4.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB04_OC03_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.4.3.5.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan berterusan dan inovasi dilaksanakan melalui pelbagai **inisiatif dalaman organisasi (Bukti 6.5.1)** seperti bahagian, unit, fakulti, kelab dan persatuan. Manakala kesediaan **pihak Pengurusan UiTMCT untuk turun padang (Bukti 6.5.2)** dalam memastikan semua warga kerja sentiasa bersedia dan pemahaman yang jelas kepada proses-proses utama PDCA dilihat sebagai langkah positif ke arah meningkatkan kompetensi warga dan kecekapan dalam organisasi. **Maklum balas pelanggan** melalui komen dan cadangan kumpulan sasaran, pihak berkepentingan seperti **komuniti dan industri** diambil kira dan dibincangkan secara kolektif melalui kumpulan perbincangan dan mesyuarat **(Bukti 6.5.3)**.

Sebagai bukti keberkesanan usaha penghayatan kepada **#mindakeusahawanan** dan **#nadiusahawanMADANI** dalam aspek **inovasi** di mana UiTMCT berjaya memperoleh dana program MyIS Komuniti bagi pelaksanaan Pembangunan Sistem Akuaponik Berbentuk Aliran Tunggal Berterusan Sebagai Sumber Makanan dan Pendapatan Yang Berterusan Secara Berkelompok (2023-2024), aspek **kolaborasi antara universiti** melalui penerimaan geran penyelidikan bernilai RM5,000.00 - Kolaborasi antarabangsa bersama UiTMCT dan Universitas Sains Al Quran (UNSIQ), Indonesia. Manakala kolaborasi **bersama komuniti** berjaya menjalankan program Pengumpulan E-Waste dari isi rumah bantu orang ramai lupus secara mesra alam anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Terengganu, dan Syarikat KT Wan Recycle **(Bukti 6.5.4)**.

Pembentangan laporan setiap projek dan penjanaan hasil dibuat dalam **Mesyuarat JKEN Khas (PS)**, **mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa projek** dan **MKSP**. Manakala Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Umum dan Bahagian UiTMCT dalam **MKSP UiTMCT Bil.1/2023** (Bukti 6.5.5) turut membincangkan cadangan penambahbaikan dalam mengkaji semula serta merancang setiap strategi bagi memastikan keberhasilan pembangunan warga UiTM dalam keusahawanan. Kemampanan kewangan melalui pelbagai inisiatif, penerokaan, sumber pendapatan dan jalinan kerjasama strategik perlu diteruskan agar UiTMCT terus berkembang sebagai universiti mampan dan terkemuka dunia.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB05_20241_UiTMCT_Bukti Operasi 6.5.1.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB05_20242_UiTMCT_Bukti Operasi 6.5.2.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB05_20243_UiTMCT_Bukti Operasi 6.5.3.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB05_20244_UiTMCT_Bukti Operasi 6.5.4.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB05_20245_UiTMCT_Bukti Operasi 6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Berdasarkan tiga keberhasilan utama yang ditunjukkan melalui Model Sinergi Holistik Keusahawanan, **Hasil Utama 2** tertumpu kepada **Hasil Tumpuan Operasi** melalui Program Bimbingan Kepakaran (**Expertise Coaching Program**), yang menghasilkan **Pemindahan Pengetahuan (KTP)** dan **Jaringan Keusahawanan**. Hasil-hasil ini diukur berdasarkan **OK PJI 1, OK PJI 2, PI021, PI025, PI076 dan PI078**.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil dari operasi merupakan hasil yang berfokuskan pada operasi-operasi utama UiTMCT dalam mencapai keberhasilan keusahawanan. Proses-proses ini merangkumi dua (2) kategori utama, iaitu **Bimbingan Menjalankan Perniagaan Pelajar** dan **Bimbingan Kepakaran Agropreneur**. Pada dasarnya, hasil tumpuan operasi diukur, dipantau dan ditambahbaik melalui pencapaian objektif kualiti dan petunjuk prestasi PJI (MASMED dan ICAN) yang berkaitan dengan **Program Pemindahan Pengetahuan dan Jaringan Keusahawanan**, iaitu:

(a) Bimbingan Menjalankan Perniagaan Pelajar:

- Objektif Kualiti (OK) PJI 1
- Petunjuk Prestasi PI021
- Petunjuk Prestasi PI025

(b) Pencapaian Jaringan Keusahawan dan Program Pemindahan Pengetahuan (KTP):

- Objektif Kualiti (OK) PJI 3
- Petunjuk Prestasi PI076
- Petunjuk Prestasi PI078

Pencapaian **Bimbingan Menjalankan Perniagaan Pelajar** diukur melalui bilangan aktiviti keusahawanan pelajar pada skala universiti/kebangsaan/antarabangsa yang dijalankan pada setiap tahun dan bilangan usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan di kampus dalam tempoh pengajian untuk melihat keberhasilan keusahawanan pelajar-pelajar semasa di kampus. Selain itu bilangan inovasi yang dipacu secara digital dan syarikat permulaan pelajar berasaskan teknologi turut diukur mengambil kira keperluan dunia keusahawanan yang sentiasa berevolusi dengan pantas.

Pencapaian dalam **Jaringan Keusahawanan** dan **Program Pemindahan Pengetahuan (KTP)** merupakan hasil inisiatif keusahawanan bersama komuniti dan pihak yang berminat melalui bantuan bimbingan kepakaran dalam bidang fertigasi, agropreneur, dan solarpreneur. Melalui inisiatif ini, UiTMCT telah mencapai objektif kualiti PJI 3 untuk memastikan lima (5) aktiviti jaringan industri/masyarakat pada peringkat universiti/kebangsaan/antarabangsa diadakan setiap tahun. Melalui tumpuan kepada aktiviti bimbingan kepakaran agropreneur, pelbagai kejayaan telah dicapai melalui aktiviti-aktiviti di pelbagai peringkat. Ini merangkumi bilangan program pemindahan pengetahuan atau *Knowledge Transfer Programmes* (KTP).

Secara keseluruhannya, UiTMCT berjaya **mencapai sasaran** yang telah ditetapkan untuk semua objektif kualiti dan petunjuk prestasi, malah **sebahagian pencapaian adalah melebihi**

sasaran (OK PJI 3, PI021, PI07, dan PI078). Tren pencapaian boleh dilihat melalui peningkatan **pencapaian berbanding sasaran** setiap tahun. Tren menunjukkan **peningkatan yang positif** yang memberikan indikasi usaha berterusan dan holistik yang dilaksanakan oleh semua warga, dan kerjasama melalui jaringan bersama alumni, komuniti, industri dan pemegang taruh.

Perbandingan pencapaian dibuat antara beberapa UiTM Cawangan Negeri. Melalui perbandingan tersebut, UiTMCT berjaya meraih pencapaian (1) bilangan mahasiswa yang menjalankan perniagaan di kampus sepanjang tempoh pengajian, dan (2) bilangan syarikat permulaan mahasiswa berasaskan inovasi dan teknologi **yang lebih tinggi** berbanding UiTM Pahang. Manakala perbandingan bilangan KTP juga menunjukkan pencapaian yang **lebih tinggi** berbanding dua (2) cawangan lain, iaitu UiTM Cawangan Kelantan dan UiTM Cawangan Pahang. Bagi amaun yang dibelanjakan (perbelanjaan sendiri) untuk program USR dan KTP, UiTMCT menunjukkan pencapaian jumlah yang **tertinggi** berbanding enam (6) cawangan lain.

Hasil pencapaian ini telah memberikan **impak positif** kepada **warga UiTMCT, alumni, komuniti** dan juga **pemegang taruh**, baik di peringkat dalaman mahupun antarabangsa. Projek dan program seperti, UiTM Signature: Smart Agro Solarpreneur, Entrepreneurial Kahoot Games UiTMCT dan Universitas Sumatera Utara (USU), Projek Penternakan Kelulut, Projek Sarang Burung Walit, Projek Fertigasi Cili, Nescafe *Youth Entrepreneurship Programme* (NYEP), *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME), Celcom Digi *For Youth*, dan projek-projek lain telah membuktikan UiTMCT telah berjaya menjadi **#nadiusahawanMADANI** dalam pemindahan **#mindakeusahawanan** dan menjalin **jaringan keusahawanan** dengan pihak luar yang tentunya meningkatkan visibiliti dan kepercayaan terhadap UiTMCT dalam keusahawanan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0024_HB02_20241_7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0024_HB03_20242_7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0024_HB04_20243_7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0024_HB05_20244_7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Berdasarkan tiga keberhasilan utama yang ditunjukkan melalui Model Sinergi Holistik Keusahawanan, **Hasil Utama 3** tertumpu kepada **Hasil Prestasi Operasi Kewangan** melalui **Projek Agropreneur**, dan **Penjanaaan Nilai** lain (sewaan dan dana luar) yang diukur berdasarkan **PI128, PI129 dan PI077**.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT memberikan fokus kepada program dan aktiviti penjanaaan nilai, yang diukur melalui prestasi operasi kewangan. Hasil dari prestasi atau operasi kewangan dipecahkan kepada 3 hasil utama, iaitu:

- (1) Hasil dari **projek Agropreneur** iaitu hasil yang diterima dari jualan seperti madu kelulut, lada dan sarang burung walit. Ia dapat dibuktikan melalui **PI128 (Pendapatan yang dijana daripada Kumpulan Wang Amanah)**.
- (2) Penjanaaan nilai dari **sewaan ruang atau fasiliti** termasuk sewaan dewan, kolej, kem gemia, fasiliti sukan dan lain-lain. Pendapatan dari khidmat kepakaran, perundingan dan penyelidikan yang ditawarkan juga termasuk dalam komponen nilai jana yang sama melalui **PI129 (Pendapatan dijana daripada Kumpulan Wang Pengurusan)**.
- (3) **Dana luar** yang diterima melalui program *University Social Responsibility (USR)* dan *Knowledge Transfer Program (KTP)* - **PI077** yang turut menyumbang kepada penghasilan nilai di UiTMCT.

Secara keseluruhannya, dengan pengukuran pencapaian yang efektif, pencapaian UiTMCT untuk **PI128, PI129 dan PI077** adalah **melempi sasaran** yang telah ditetapkan untuk tahun 2023. Pencapaian ini adalah hasil usaha semua pihak yang terlibat seperti yang ditunjukkan melalui **Model Sinergi Holistik UiTMCT**. Semua hasil pencapaian menunjukkan **tren peningkatan yang positif**, yang menunjukkan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh UiTMCT dalam menjayakan hasil utama penjanaaan nilai. Ini sekaligus dapat membantu UiTMCT meningkatkan hasil penjanaaan di samping menjalin hubungan baik dengan komuniti dan pemegang taruh yang berkaitan, seterusnya meningkatkan visibiliti UiTMCT.

Perbandingan hasil pencapaian dibuat antara beberapa UiTM Cawangan bagi melihat kompetensi pencapaian UiTMCT. Perbandingan mendapati hasil pencapaian UiTMCT adalah lebih baik berbanding UiTM Cawangan yang diperbandingkan. Ini menunjukkan UiTMCT mempunyai keupayaan dan kelebihan dalam menjalankan program dan aktiviti penjanaaan nilai yang berteraskan **#nadikeusahawananMADANI**.

Impak kepada hasil penjanaaan ini dapat dilihat dari pelbagai aspek. Penjanaaan nilai melalui projek agropreneur bukan sahaja menjana pendapatan, malahan dapat menerapkan nilai **#mindakeusahawanan** dalam kalangan pelajar, staf UiTMCT dan juga komuniti. Pengetahuan secara teori dan kemahiran secara praktikal dapat dibentuk melalui penglibatan dalam program dan aktiviti **agropreneur**. Melalui hasil sewaan, UiTMCT bukan sahaja dapat meniana

pendapatan, tetapi juga dapat menyediakan ruang dan peralatan kepada komuniti dengan kadar yang berpatutan dan kompetitif, sekaligus dapat menjalinkan hubungan baik dengan komuniti dan pihak yang menggunakan perkhidmatan sewaan tersebut. **Dana luar** yang diterima daripada pembiayaan oleh organisasi luar mahupun melalui geran-geran penyelidikan dan program-program kolaborasi dengan industri luar pula telah berjaya meningkatkan visibiliti UiTMCT.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0024_HB02_20241_7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0024_HB03_20242_7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0024_HB04_20243_7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0024_HB05_20244_7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Berdasarkan tiga keberhasilan utama yang ditunjukkan melalui Model Sinergi Holistik Keusahawanan, **Hasil Utama 1** tertumpu kepada **Hasil Tumpuan Pelanggan** melalui Program Bimbingan Kepakaran (**Expertise Coaching Program**) yang diukur berdasarkan **PI024 dan PI021**.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil tumpuan pelanggan UiTMCT adalah berfokuskan kepada Program Bimbingan Kepakaran (*Expertise Coaching program*) yang efisien dengan menyediakan (1) bimbingan kepakaran keusahawanan kepada pensyarah dan (2) bimbingan minda keusahawanan kepada pelajar. Keberkesanan hasil tumpuan pelanggan ini diukur, dipantau dan ditambah baik melalui petunjuk prestasi (PI) UiTM iaitu:

- a. Petunjuk Prestasi PJI (MASMED) PI024 - Kepakaran keusahawanan pensyarah
- b. Petunjuk Prestasi PJI (MASMED) PI021 - Bimbingan minda keusahawanan dalam kalangan mahasiswa

Melalui pelbagai program yang dijalankan di peringkat dalaman dan luaran, UiTMCT telah berjaya mencapai bilangan pensyarah dengan kepakaran keusahawanan (PI024) yang melebihi sasaran, iaitu seramai 83 pensyarah. Manakala untuk PI021, UiTMCT juga berjaya menghasilkan 1,237 mahasiswa yang menjalankan perniagaan semasa pengajian di UiTMCT, di mana pencapaian tersebut juga melebihi sasaran. Pencapaian yang baik juga boleh dilihat melalui pencapaian 74.13% pelajar mendapat gred A dalam ENT300.

Pencapaian hasil tumpuan pelanggan secara keseluruhannya menunjukkan tren yang positif untuk kepakaran keusahawanan pensyarah (peningkatan sebanyak 15.66%) dan juga jumlah pelajar yang memperolehi gred A dalam ENT300 (peningkatan sebanyak 3.59%). Untuk bilangan mahasiswa yang menjalankan perniagaan semasa pengajian, tren yang sedikit menurun ditunjukkan berbanding 2022, namun pencapaiannya adalah melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2023.

Perbandingan dibuat antara 2 UiTM Cawangan Negeri iaitu Cawangan Terengganu dan Pahang, yang menawarkan kursus ENT300 dengan sasaran jumlah pelajar menjalankan perniagaan semasa pengajian yang hampir sama. Perbandingan menunjukkan pencapaian UiTMCT adalah lebih baik daripada UiTM Cawangan Pahang untuk PI021. Untuk PI024 pula, UiTMCT menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding UiTM Cawangan Pahang berdasarkan perbandingan bilangan pensyarah dengan kepakaran keusahawanan. Ini menunjukkan program bimbingan keusahawanan yang dijalankan, yang merupakan **#nadiusahawanMADANI**, memberikan kesan positif dalam meningkatkan jumlah pelajar dengan **#mindakeusahawanan** dan pensyarah dengan **kepakaran keusahawanan**.

Kepentingan hasil tumpuan pelanggan boleh dilihat melalui pelbagai anugerah yang diraih oleh UiTMCT seperti Anugerah Khas PNC (Keusahawanan). Anugerah Koordinator Paling Aktif

(Cawangan) dan Anugerah Sijil Kecemerlangan Pertandingan World Skills Malaysia Pengajar (WSMP) 2023. Pelbagai inovasi juga dihasilkan oleh pelajar melalui pertandingan keusahawanan seperti *Product Idea Innovation Showcase (PRIDE) 8.0*. Ini sekaligus meningkatkan imej dan visibiliti UiTMCT. Di samping itu, kepentingan hasil ini juga dapat dilihat melalui peningkatan bilangan alumni yang menjadi usahawan dari tahun ke tahun. Ini sekaligus membuktikan kejayaan UiTMCT dalam menghasilkan *'Employable Well Balanced Graduate'* (EWBG) dengan **#mindakeusahawanan** sejajar dengan visi KPT untuk mengembangkan agenda keusahawanan dalam kalangan graduan demi mendukung aspirasi masyarakat madani. Kepentingan yang lebih ketara dapat dilihat melalui kerjasama strategik bersama komuniti dan pemegang taruh, seperti MDEC, hub rujukan kepakaran melalui lawatan oleh institusi luar dan sekolah di sekitar Terengganu, dan juga universiti antarabangsa seperti Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA) dan Universitas Sumatera Utara (USU), Indonesia.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0024_HB02_20241_7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0024_HB03_20242_7.3.3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0024_HB04_20243_7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0024_HB05_20244_7.3.5.pdf](#)